



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.42 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 62

24 MEI 2025 / 1446 ذوالقعدة 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانيسن ايمان

"Dari Abi Hurairah Radiallahu Anha, Nabi Sallallahu Alaihi Wasalam bersabda : Barangsiapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya".  
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

## KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT HADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-46



### OPENING CEREMONY 44<sup>TH</sup> AND 45<sup>TH</sup> ASEAN SUMMITS AND RELATED SUMMITS

9 OCTOBER 2024, VIENTIANE, LAO PDR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke National Convention Centre (NCC), Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang-Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan pada 9 Oktober 2024. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman (Lihat muka 3).



## Berita Utama



NBD-Republik Rakyat Bangladesh terus memperkuuh hubungan kerjasama

Muka 7



SIDANG Media Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-64

Muka 10



MEMPERKUKUH komitmen NBD membentuk ekosistem pendidikan berdaya tahan, inklusif

Muka 17



RENCANA  
MERAIKAN Tokoh Bahasa melalui Syarahan Profesor

Muka 21

## Berkenan hantar titah perutusan tahniah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 23 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong berikutnya dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.



**TIMBALAN MENTERI (Urustadibr Perkhidmatan Awam)** di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus semasa berucap pada Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global (3G) Ke-10 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 13 Mei 2025.

Terjemahan dari teks asal Bahasa Inggeris oleh :  
Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyaraafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
Waba'du.  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

## Anugerah 3G platform mengiktiraf individu, organisasi

**A**LHAMDULILLAH, segala puji dan syukur hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya juga membolehkan kita hadir di Sidang Kemuncak dan Anugerah Tadbir Urus Global, petang ini.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada pengaruh dan pengacara, Cambridge IFA dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam kerana menjemput saya hari ini di Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global Ke-10 2025. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalau-alukan kehadiran delegasi antarabangsa kita ke Negara Brunei Darussalam (NBD) yang indah dan permai ini.

Dalam tempoh sedekad yang lalu, Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global, yang dikenali sebagai Anugerah 3G menjadi platform, untuk mengiktiraf individu dan organisasi yang menunjukkan kepimpinan cemerlang serta komitmen teguh terhadap impak positif. Anugerah ini bukan sekadar bersifat *ceremonial*; mereka terpilih hasil daripada pertimbangan yang teliti, usaha berterusan dan kepimpinan yang menyumbang kepada kemajuan sebenar dan dapat dinilai.

Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global (3G) sangat bermakna kepada NBD, kerana ia mencerminkan prinsip-prinsip yang amat dihargai; integriti, akauntabiliti, dan komitmen terhadap pembangunan mampan dan inklusif. Nilai-nilai yang diraikan melalui anugerah-anugerah ini, iaitu tadbir urus yang baik, adalah teras kepada perjalanan pembangunan negara kita dan menjadi asas dalam usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Ia membimbing usaha kita untuk memacu inovasi, mengukuhkan sektor awam, dan memupuk

perpaduan sosial untuk demi pembangunan dan kesejahteraan negara. Tadbir urus yang baik bukan sekadar prinsip panduan, ia adalah asas kepada kemajuan yang lestari dan inklusif.

Nilai-nilai ini juga selaras dengan prinsip Maqasid al-Shariah, yang menekankan tadbir urus beretika demi melindungi kepentingan awam (maslahat) untuk memajukan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat. Dengan menegakkan ketelusan dan tanggungjawab sosial, kita dapat meningkatkan kepercayaan orang ramai dan menyumbang kepada pembangunan yang seimbang dan mampan yang mencerminkan objektif teras Syariah.

Tema tahun ini, 'Transformative Governance for Health, Environment, and Community Sustainability', menekankan keperluan mendesak terhadap kepimpinan yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh. Ia mengingatkan kita bahawa tadbir urus yang baik bukan sahaja mengenai institusi dan dasar, tetapi mengenai hasil yang dicapai: masyarakat yang lebih sihat, alam sekitar yang terpelihara dan komuniti yang berdaya tahan.

Namun begitu, kita juga harus sentiasa peka terhadap cabaran yang terus kita dihadapi; daripada cabaran geopolitik kepada ancaman kesihatan global, perubahan iklim hingga peningkatan ketidaksamaan sosial dan ekonomi di seluruh dunia.

Dalam mengharungi cabaran-cabaran ini, peranan tadbir urus yang baik perlu disertakan dengan pengetahuan yang kukuh, agar kepimpinan akan menjadi lebih telus dan berdaya tahan. Ditambah dengan usaha kolektif merentas semua sektor, kerajaan, masyarakat, masyarakat

sivil dan sektor swasta, kita boleh membangunkan penyelesaian yang mampan dengan impak bermakna dan berpanjangan.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sentiasa menekankan kepentingan Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation). Pendekatan ini memastikan bahawa perpaduan dan kerjasama rakyat kita menjadi asas kepada kepimpinan negara yang stabil dan kunci utama untuk merealisasikan aspirasi pembangunan bersama.

Inilah sebabnya mengapa inisiatif seperti Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global adalah penting. Dalam kita mengiktiraf pencapaian mereka petang ini, biarlah ia juga menjadi peringatan bahawa tadbir urus yang baik bukanlah usaha sekali sahaja. Ia memerlukan komitmen, kerjasama dan akauntabiliti yang berterusan.

Kepada semua penerima anugerah tahun ini, saya mengucapkan tahniah. Sumbangan awda menjadi sumber inspirasi kepada orang lain untuk mencegah kecemerlangan dan membuat perubahan.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan saya sekali lagi kepada pihak pengajur atas dedikasi dan kerja awda.

Akhir sekali, dengan kalimah: Bismillahirrahmanirrahim, Allahumma Sholli Ala Sayyidina Muhammad Wa Ala Ali Sayyidina Muhammad. Saya dengan sukacita mengucapkan semoga berjaya untuk Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global Ke-10 2025.

Wabillahit Taufeq Walhidayah,  
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

## WAKTU SEMBAHYANG

MEI	MASIH	ZULKAEADAH	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	SABTU	26	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	
25	AHAD	27	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	
26	ISNIN	28	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	
27	SELASA	29	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.43	6.29	7.43	
28	RABU	30	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44	
29	KHAMIS	1	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44	ZULHIJJAH
30	JUMAAT	2	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 °C	32 °C	31 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	31 °C
26 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
31 °C	32 °C	33 °C
26 °C	26 °C	26 °C
Kuala Belait		
31 °C	32 °C	31 °C
26 °C	25 °C	25 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

24 MEI 2025

### Tempat kerja selamat hak setiap individu

**K**ESELAMATAN dan kesihatan di tempat kerja merupakan aspek penting yang sering kali dipandang ringan oleh sebahagian pihak, walhal ia merupakan tulang belakang kepada kesejahteraan pekerja dan kelangsungan sesebuah organisasi. Memperingati keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bukan sekadar memenuhi keperluan undang-undang, tetapi satu bentuk penghormatan terhadap nyawa dan kesejahteraan pekerja yang menjadi aset utama organisasi.

Sepertimana yang ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dalam perutusan sempena Hari Seduna Bagi Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja 2025, tempat kerja adalah nadi penggerak kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam. Ia merupakan platform yang memacu inovasi dan menyumbang kepada kemakmuran rakyat serta pembangunan negara. Justeru, persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan sihat bukan sahaja menjadi teras kepada kesejahteraan setiap individu yang bekerja, tetapi juga memberi impak yang besar kepada kesejahteraan keseluruhan negara.

"Majikan dan pekerja mesti terus bekerjasama untuk memastikan persekitaran kerja yang sentiasa selamat, sihat, dan kondusif. Hanya dengan langkah-langkah yang terancang dan komitmen yang teguh, kita dapat mencapai matlamat bersama demi membina sebuah negara yang lebih cemerlang," tegas Yang Berhormat.

Kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Pertama, ia membantu mengurangkan kemalangan dan penyakit berkaitan pekerjaan. Statistik menunjukkan bahawa kemalangan industri bukan sahaja mengorbankan nyawa, malah menyebabkan kerugian ekonomi yang besar akibat kehilangan tenaga kerja, peningkatan kos perubatan dan gangguan kepada operasi syarikat. Kedua, persekitaran kerja yang selamat dan sihat turut meningkatkan produktiviti kerana pekerja dapat melaksanakan tugas dengan lebih yakin dan selesa.

Selain aspek fizikal, kesihatan mental pekerja juga semakin mendapat perhatian dalam konteks keselamatan di tempat kerja. Tekanan kerja yang berlebihan, beban tugas yang tidak seimbang dan budaya kerja toksik boleh memberi kesan jangka panjang terhadap prestasi dan kesejahteraan mental seseorang pekerja.

Oleh itu, majikan disarankan menyediakan sokongan psikososial seperti kaunseling, waktu kerja fleksibel dan suasana kerja yang inklusif. Dengan mewujudkan budaya kerja yang selamat dan sihat, kita bukan sahaja melindungi nyawa, malah membina asas kukuh untuk kemajuan negara secara keseluruhan. Ingatlah, tempat kerja yang selamat adalah hak setiap individu, bukan satu keistimewaan. - Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منtri دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46

**Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri**

Foto : Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 22 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan pada 26

hingga 27 Mei 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Malaysia, selaku Pengurus ASEAN pada tahun ini, membawa tema 'Inclusivity and Sustainability' yang menunjukkan komitmen ASEAN untuk memastikan daya tahan dan kemakmuran serantau serta mengukuhkan kerjasama dalam menghadapi cabaran global serta tekanan luar yang semakin meningkat.

Selain Sidang Kemuncak

Ke-46, Pemimpin-pemimpin ASEAN, the Gulf Cooperation Council (GCC) dan Republik Rakyat China, juga akan berhimpun bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Ke-2 dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pada 27 Mei 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sidang-sidang Kemuncak tersebut akan terus memajukan tindakan bersepada dalam melaksanakan bidang-bidang keutamaan dan *deliverables* utama ASEAN serta menggalakkan hubungan yang

lebih erat di antara ASEAN, GCC dan Republik Rakyat China, yang berpanduan prinsip asas dan nilai bersama, komitmen; menggariskan kepentingan multilateralisme, perpaduan serantau dan undang-undang antarabangsa dalam menangani cabaran bersama; dan menegakkan ASEAN Centrality dalam seni bina serantau yang berkembang untuk memupuk keamanan, kestabilan dan kemakmuran di dalam dan luar rantau ini.

Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-16 juga akan

diadakan di pinggir Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46. Ditubuhkan pada tahun 1994 oleh Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina, BIMP-EAGA menyasarkan untuk memacu pembangunan di kawasan terpencil dan kurang maju dengan memberi fokus kepada kemajuan sektor pembuatan yang berdaya saing dan lebih mesra alam; mewujudkan industri pertanian dan perikanan yang mampan, berdaya saing dan berdaya tahan iklim serta mempromosikan sektor pelancongan.

## MEMBACA YAA SIIN, BERTAHLIL SEMPENA HARI ULANG TAHUN ABDB KE-64



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 23 Mei. - Bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang ke-64, Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus buat ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman

serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Abdul 'Azim.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



oleh Pemangku Pengarah Jabatanraharah Agama ABDB (JAMA'AT), Lettenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti yang dijadualkan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB ke-64 yang akan diraikan pada 31

Mei 2025.

Juga hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; serta peringkat kepimpinan Kementerian Pertahanan.

## Situasi COVID-19 di NBD masih terkawal

**Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 21 Mei. - Sebagai respons terhadap laporan terkini mengenai peningkatan jangkitan COVID-19 yang berlaku di rantau ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD).

COVID-19 ialah penyakit jangkitan saluran pernafasan yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisyitarkan COVID-19 sebagai Public Health Emergency of International Concern (PHEIC) pada 30 Januari 2020. Status pandemik tersebut telah diumumkan tamat pada 5 Mei

2023. Sejak itu, penularan global kekal rendah dan terus dipantau melalui pengawasan rutin.

Kebelakangan ini, beberapa buah negara di rantau ini termasuk Thailand, Malaysia dan Republik Singapura telah melaporkan peningkatan kes COVID-19 bermula sejak April 2025.

Namun begitu, pada masa ini, tidak terdapat bukti bahawa varian yang sedang menular adalah lebih mudah berjangkit atau menyebabkan penyakit yang lebih teruk berbanding varian sebelumnya.

Peningkatan kes mungkin disebabkan oleh tahap imuniti yang semakin menurun, peningkatan aktiviti perjalanan

dan pengurangan ujian saringan. Walau bagaimanapun, situasi keseluruhan masih terkawal dan tidak membimbangkan.

Di NBD, dari 1 Januari hingga 17 Mei 2025, sebanyak 594 kes COVID-19 telah dilaporkan, berbanding 10,085 kes dalam tempoh yang sama pada 2024. Jumlah kemasukan ke hospital juga menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 36 kes pada 2025 berbanding 344 kes pada 2024.

Tiada kematian dilaporkan setakat ini pada 2025, manakala dua kematian direkodkan dalam tempoh yang sama pada 2024.

Menurut penilaian risiko terkini oleh WHO, risiko kesihatan awam global akibat jangkitan COVID-19 masih dianggap tinggi, walaupun impak keseluruhan terhadap sistem kesihatan terus

berkurangan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut, iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, menutup hidung dan mulut apabila batuk atau bersin, mengelakkan perjalanan atau interaksi sosial yang tidak perlu sekiranya awda berasa kurang sihat, dan memakai sungkup muka di kawasan sesak atau jika mempunyai gejala seperti hidung berair, sakit tekak, sakit kepala atau demam.

Kementerian Kesihatan juga ingin menasihatkan bagi individu-individu berisiko tinggi yang mengalami komplikasi serius akibat jangkitan, seperti warga emas berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit

kardiovaskular, kencing manis dan sebagainya, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan suntikan dos vaksin tambahan dalam jangka masa setahun selepas suntikan dos terakhir mereka.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau keadaan situasi COVID-19 di peringkat global dan serantau dengan lebih dekat serta menyesuaikan penilaian risiko dan langkah-langkah kesiapsiagaan di NBD.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga akan mengongsikan maklumat terkini kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau aplikasi BruHealth.

# MENGUKUHKAN KOMITMEN DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI PERTAHANAN, KEUPAYAAN NEGARA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**LANGKAWI, MALAYSIA**, Rabu, 21 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetui delegasi dari Kementerian Pertahanan ke Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi Ke-17 (LIMA'25), yang berlangsung dari 20 hingga 24 Mei 2025 bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi, Malaysia.

Delegasi Yang Berhormat turut disertai oleh Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim; Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Kolonel (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud serta pegawai-pegawai kanan dari ABDB.

Edisi ke-17 LIMA bertemakan

'Innovate Today, Thrive Tomorrow' merupakan acara dwitahunan yang diiktiraf sebagai The Nexus of Maritime and Aerospace Trade, menghimpunkan yang terbaik dalam industri aeroangkasa dan maritim, serta merupakan antara pameran terbesar seumpamanya di rantau Asia Pasifik.

Pameran pertahanan antarabangsa yang berprestij berkenaan dianjurkan bersama oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Global Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd., dengan sokongan dari Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, dan Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MDIC).

Pameran berkenaan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Anwar Ibrahim.

Pesawat S-70i Black Hawk milik TUDB turut dipamerkan dalam Pameran Statik Udara LIMA'25

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin.

bersama pesawat daripada pelbagai negara lain seperti Amerika Syarikat, Rusia, Brazil, Jerman, Republik Singapura, Republik Indonesia, India, Austria, Republik Czech, Republik Turkiye dan Republik Rakyat China.

Penyertaan TUDB dalam Pameran Statik Pesawat LIMA'25 mencerminkan hubungan erat dengan Malaysia serta mengukuhkan komitmen kementerian dan ABDB dalam pembangunan teknologi pertahanan dan keupayaan negara.

Di samping itu, Yang Berhormat juga turut mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin.

Kedua-dua pihak menzhairkan semula hubungan pertahanan yang kuuh antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia serta bertukar pandangan mengenai pelbagai isu strategik yang menjadi kepentingan bersama termasuk lanskap keselamatan serantau dan global masa kini.



LIMA'25 tahun ini telah menampilkan lebih 800 pameran dari 30 buah negara yang mewakili sektor pertahanan, keselamatan dan komersial serantau serta antarabangsa.

Pameran berkenaan turut dihadiri oleh Menteri-menteri Pertahanan dan Pengangkutan, Pemerintah-pemerintah Perkhidmatan, serta pegawai-pegawai kanan dari seluruh dunia.



YANG Berhormat mengetui delegasi dari Kementerian Pertahanan ke Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi Ke-17 (LIMA'25) (atas). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat semasa membuat lawatan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi, Malaysia.

## Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-12

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 21 Mei. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) pagi tadi melancarkan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) yang bertemakan 'Mengukuhkan Pembangunan Sosioekonomi Bagi Menjamin Kesejahteraan dan Keharmonian Negara'.

Majlis Pelancaran RKN12 disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja RKN yang terdiri daripada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga di JPM, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri di MOFE, dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis juga dihadiri oleh Tuan Yang Terutama dan Puan Yang Terutama Duta-duta dan Pesuruhjaya Tinggi, 0Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pihak swasta.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), MOFE, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah

dalam ucapannya menekankan kepentingan melaksanakan projek tepat pada masanya, penyerahan sektor swasta selaras dengan matlamat kerajaan untuk memperkuuh sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara di samping untuk memberikan peluang perniagaan dalam kalangan peniaga dan pengusaha tempatan dengan pendekatan senegara dalam memastikan kejayaan pelaksanaan RKN12 sekali gus mencerminkan komitmen berterusan negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 melalui pembangunan yang strategik dan inklusif.

Rancangan lima tahun yang meliputi tempoh 2024 hingga 2029 juga tambahnya, memperuntukkan sejumlah BND4 bilion bagi 305 projek pembangunan, dengan tumpuan kepada sektor-sektor utama seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan industri, perumahan, infrastruktur, pendigitalan dan teknologi hijau.

RKN12 katanya lagi, adalah pelan pelaburan lima tahun yang merupakan komitmen strategik yang seajar dengan jangka panjang Wawasan Negara Brunei Darussalam dan disokong oleh enam teras pembangunan utama, iaitu meningkatkan infrastruktur dan sistem pendidikan, melahirkan tenaga kerja selaras dengan keperluan industri, menyumbang kepada



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12). Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada majlis berkenaan (atas dan bawah kiri).

kelestarian alam sekitar, mengukuhkan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat yang berdaya tahan, meningkatkan sumbang sektor bukan minyak dan gas, dan mengukuhkan pentadbiran awam yang efisien dan kondusif.

Sempena pelancaran, satu pameran khas sedang berlangsung bagi memaparkan perjalanan RKN serta projek-projek RKN oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi pemudaan seperti Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Pejabat Perubahan Iklim Brunei, dan Smart Nation Office.

Di samping itu, sesi taklimat

pembangunan mengenai RKN, inisiatif yang menyokong usaha menangani perubahan iklim, termasuk bangunan hijau, serta pendigitalan turut diadakan selama tiga hari bermula 21 hingga 23 Mei 2025.

Orang ramai dan para penuntut sekolah adalah dialu-alukan untuk mengunjungi pameran dan aktiviti pembangunan berkenaan bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai agenda pembangunan negara dan inisiatif-inisiatif kerajaan bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar.

Buku RKN12 boleh dimuat turun di platform rasmi media sosial MOFE.





YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-78 yang sedang berlangsung di Geneva, Switzerland.

**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

GENEVA, SWITZERLAND, Khamis, 22 Mei. - Menteri-menteri Kesihatan dan wakil-wakil dari negara-negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-78 yang sedang berlangsung di Geneva, Switzerland, bermula pada 19 Mei hingga 27 Mei 2025.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke perhimpunan tersebut diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, yang juga disertai oleh Perwakilan Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Hajah Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee, serta beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Tema Perhimpunan Kesihatan Sedunia pada tahun ini ialah Satu

Dunia untuk Kesihatan (One World for Health).

Di perhimpunan tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan ucapan dalam sesi plenari di mana Yang Berhormat Menteri Kesihatan menekankan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab bersama dan hak sejagat; dan seterusnya, tidak ada negara yang boleh menghadapi dan menguruskan ancaman kesihatan secara berkesan bersendirian.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa WHO adalah pemimpin kesihatan global yang telah memberikan bimbingan dan sokongan kepada negara-negara yang berusaha untuk mengukuhkan sistem kesihatan mereka dan mengetui penyelarasannya kesihatan antarabangsa semasa kecemasan, lebih-lebih lagi ketika ancaman kepada kesihatan kini semakin kompleks.

# KESIHATAN ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA, HAK SEJAGAT

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga mengalukan kesimpulan perbincangan Perjanjian Pandemik, yang mana, perjanjian ini menunjukkan bahawa negara-negara masih boleh berkumpul untuk tujuan bersama iaitu untuk mengukuhkan kerjasama global, mengurangkan ketidaksamaan, dan memastikan tiada negara yang ketinggalan.

Perjanjian ini turut memperkuatkkan makna tema 'Satu Dunia untuk Kesihatan', di mana perpaduan merentasi sempadan, dan keadilan kesihatan bukan sekadar aspirasi tetapi adalah menjadi kewajipan.

NBD turut menekankan pentingnya penyelesaian terhadap rundingan Sistem Akses Patogen dan Perkongsian Faedah (PABS) di bawah perjanjian ini, demi memastikan akses yang adil dan tepat pada masanya dan inovasi telus untuk semua negara, terutamanya bagi negara membangun.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menggesa supaya kemajuan ke arah Perlindungan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage, UHC) dan pencapaian kepada Sustainable Development Goals berkaitan kesihatan dipercepatkan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah mengongsikan bahawa NBD baru-baru ini melancarkan BruHealth 5.0, versi terkini platform kesihatan digital kebangsaan, yang menghubungkan individu secara

terus kepada perkhidmatan kesihatan, menyokong penjagaan pencegahan dan memperkasakan orang awam untuk mengurus kesihatan mereka sendiri. Kaedah ini mencerminkan bagaimana transformasi digital boleh mempercepatkan pencapaian UHC dengan menjadikan penjagaan kesihatan lebih mudah diakses, cekap dan berpaksikan rakyat (*people centred*).

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyuarakan bahawa komitmen kepada 'Satu Dunia untuk Kesihatan' juga merangkumi mereka yang mengalami ketidaksamaan kesihatan. NBD mengulangi keprihatinan terhadap keadaan perihal kemanusiaan yang semakin teruk di Palestin dan menyeru agar keganasan dihentikan serta-merta dan memastikan perlindungan kepada orang awam dan pekerja kesihatan, selaras dengan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Untuk itu, NBD juga menggesa semua pihak untuk memastikan akses tanpa halangan kepada perkhidmatan kesihatan penting, bekalan perubatan dan bantuan kemanusiaan.

Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-78 ini turut membincangkan pelbagai isu kesihatan awam dan global yang penting termasuk isu-isu berkaitan program belanjawan dan pembaharuan urus tadbir, UHC, kawalan dan pencegahan penyakit

berjangkit dan tidak berjangkit, kekebalan antimikrobial (*antimicrobial resistance*), tenaga kerja kesihatan, tindakan dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan kesihatan, serta perubahan iklim dan kesihatan.

Salah satu pencapaian utama pada perhimpunan ini ialah pelulusan rasmi Perjanjian Pandemik WHO pada 20 Mei 2025, yang menandakan langkah penting dalam memperkuuh kesiapsiagaan dan tindak balas global terhadap pandemik.

Perjanjian ini juga merangkumi penubuhan PABS, yang mana NBD menyuarakan sokongan bagi memastikan akses yang adil dan tepat pada masanya kepada alat kesihatan penting. Perjanjian ini diterima oleh 124 negara anggota tanpa sebarang bantahan rasmi, dan dijangka berkuat kuasa selepas diratifikasi oleh sekurang-kurangnya 60 negara anggota dan penyelesaian lampiran berkaitan PABS.

NBD menyambut baik pelulusan ini sebagai manifestasi perpaduan global dan komitmen bersama terhadap kesaksamaan dalam kesihatan.

Semasa di Geneva, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah membuat perbincangan dua-hala dengan Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Dr. Dzulkefly bin Ahmad, mengenai kerjasama bidang kesihatan yang berkepentingan di antara kedua buah negara dan juga serantau.

# Kekuahan institusi keluarga asas penting dalam pembangunan masyarakat



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Program Bual Bicara Hari Keluarga sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2025.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 22 Mei. - Ahli Jawatankuasa Takmir Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) malam tadi menganjurkan program yang berkonsepkan 3 'S' Syiar, Salam dan Silaturrahmi iaitu Program

Bual Bicara Hari Keluarga sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2025 bertempat di Dewan Utama, Surau LTAB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Forum yang dipengerusikan oleh Awang Haji Mohammad Jaya bin Haji Metussin berkenaan mengetengahkan tiga panel terdiri dari Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Azman bin Haji Musa; Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali; dan Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Dayang Irnawati binti Haji Mahir.

Bual Bicara yang bertajuk 'Melaikirkan Masyarakat, Rumahku Syurgaku' dibicarakan oleh para penal jemputan yang membincangkan mengenai pelbagai isu berkaitan institusi kekeluargaan serta peranan pentingnya dalam pembangunan masyarakat.

Program antara lain bertujuan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda ke

Kementerian Hal Ehwal Ugama, selain untuk mananai tanggungjawab sebagai individu Muslim untuk mempereratkan ukhuwah islamiah bersama penduduk kampung.

Di samping mendukung matlamat 'Negara Zikir', program seumpamanya juga dapat memperkenalkan lagi aktiviti keagamaan dan mengeratkan lagi ukhuwah silaturahim antara raja



AHLI-ahli panel jemputan semasa menyampaikan Bual Bicara yang bertajuk 'Melaikirkan Masyarakat, Rumahku Syurgaku'.

# 290 WARGA KHEDN TERIMA P.K.L



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Khamis, 22 Mei. - Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Majlis Penyampaian Penguriaan



Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun, 2024 bagi

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya diadakan petang tadi, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan

## Perlunya pendekatan inovatif, penggunaan teknologi tangani keselamatan jalan raya



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SWITZERLAND, Khamis, 22 Mei. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Sesi Tahunan 2025 Lembaga Penasihat Dana Keselamatan Jalan Raya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNRSF) yang diadakan baru-baru ini di Geneva, Switzerland.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menghadiri sesi berkenaan atas kapasitinya sebagai Ahli Lembaga Penasihat UNRSF yang mewakili rantau Asia-Pasifik untuk penggal 2025-2026, peranan yang mencerminkan keazaman berterusan NBD dalam menyokong bukan sahaja usaha domestik tetapi juga antarabangsa yang bertujuan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan mengurangkan kecederaan dan kematian berkaitan lalu lintas.

Menteri Pengangkutan dan Logistik Kerajaan Maghribi, Tuan Yang Terutama Abdessamad Kayouh, selaku Pengerusi

Lembaga Penasihat UNRSF merasmikan mesyuarat berkenaan, diikuti dengan ucapan pengenalan oleh Duta Khas Setiausaha Agung PBB, Jean Todt.

Lembaga Penasihat dimaklumkan tentang kemajuan UNRSF dan keputusan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2024.

Sejak UNRSF mula beroperasi pada 2019, UNRSF memainkan peranan penting di hampir 100 negara untuk memajukan keselamatan jalan raya global.

Selepas itu, Lembaga Penasihat membincangkan dan bersetuju dengan satu panduan dan nasihat lengkap untuk diserahkan kepada Jawatankuasa Pandu UNRSF, mengenai Kertas Cadangan 2025, termasuk mengenai keutamaan dan bidang tumpuan.

Ahli Lembaga Pengarah juga berkongsi pandangan dan cadangan mereka tentang bagaimana ahli Lembaga Penasihat boleh terlibat secara strategik dan menyokong usaha pengumpulan dana.

Semasa sesi berkenaan, Yang

Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengiktiraf sumbangan berharga negara penderma dalam menyokong objektif dana.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan memperkenalkan pendekatan inovatif dan penggunaan teknologi dalam menangani keselamatan jalan raya.

Landskap mobiliti jalan raya juga berkembang dengan tenaga baharu dan kenderaan sarat teknologi memasuki pasaran yang turut membawa risiko tersendiri, jelas Yang Berhormat.

Ini bermakna pemain automotif baharu dan pihak berkepentingan keselamatan jalan raya bukan tradisional lain juga boleh dibawa ke arah inisiatif keselamatan jalan raya, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa tumpuan keselamatan jalan raya NBD semasa, adalah kepada pengurusan kelajuan dan penggunaan telefon bimbit semasa memandu.

Untuk ini, Yang Berhormat menerangkan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya juga akan memanfaatkannya, memperkuuh kerjasama antara sektor awam dan swasta untuk memulakan kempen *watch your speed, watch the road*.

Yang Berhormat diiringi oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar bersama pegawai-pegawai kanan MTIC.

## 5 lokasi bagi meruayah anak bulan Zulhijah

Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Mei. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Zulhijah Tahun 1446 Hijrah seluruh negara pada petang Selasa, 29 Zulkaedah 1446H bersamaan 27 Mei 2025 Masihi.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie dan Pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk meruayah (melihat anak bulan Zulhijah 1446H).

Tempat-tempat tersebut ialah Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara.

Seterusnya tempat meruayah anak bulan Zulhijah juga akan diadakan di Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut di Daerah Belait.

Oleh yang demikian, bagi melancarkan lagi tugas-tugas meruayah, orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

Berikut dengan itu, pengumuman 1 Zulhijah (awal Zulhijah) bagi Tahun 1446H / 2025M akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik-baik sahaja rukyah pada petang 29 Zulkaedah 1446H / 27 Mei 2025M diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

جاین فرانچائیز ایکو نومی دان ساتیستیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL ALIMAH PENGETAHUAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

#### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang anda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

#### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# NBD-REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH TERUS MEMPERKUKUH HUBUNGAN KERJASAMA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Mei. - Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan dan Kebangsaan Republik Rakyat Bangladesh Ke-54 di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis

Resepsi berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, dan isteri, Datin Fadzlin binti Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD dan Republik Rakyat Bangladesh.

Upacara kemuncak ialah acara memotong kek Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan dan Kebangsaan Republik Rakyat Bangladesh Ke-54 dan juga penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat majlis

YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan isteri bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam semasa acara memotong kek Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan dan Kebangsaan Republik Rakyat Bangladesh Ke-54 pada Majlis Resepsi berkenaan.

disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan.

Terdahulu sebelum itu, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan dalam ucapannya antara lain berkata, sejak terjalinnya hubungan diplomatik pada 5 Mei 1984, Republik Rakyat Bangladesh dan NBD telah menyaksikan perkembangan hubungan dua hala yang pesat berdasarkan nilai-nilai bersama, saling menghormati dan usaha bersama ke arah pembangunan.

Sepanjang tahun-tahun berkenaan jelas Puan Yang Terutama, hubungan tersebut telah berkembang melalui kerjasama, di mana Republik Rakyat Bangladesh mendapat manfaat daripada sumber tenaga NBD, manakala NBD pula

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

mendapat faedah daripada tenaga kerja Republik Rakyat Bangladesh yang murah dan cekap.

Menurut PYT, dalam menyumbang kepada pembinaan NBD pada peringkat awal jurutera-jurutera Republik Rakyat Bangladesh memainkan peranan perintis dalam membina asas infrastruktur penting seperti jalan raya dan lebuh raya, pembangunan air serta pembinaan perumahan, iaitu sektor yang masih didominasi oleh syarikat-syarikat Republik Rakyat Bangladesh sehingga kini.

Pada masa ini tambah PYT, terdapat kira-kira 15,500 pekerja Republik Rakyat Bangladesh di NBD dan sekitar 300 syarikat milik bersama yang terlibat dalam pembinaan rumah, jalan raya, jambatan dan bangunan.

Selain itu ujar PYT lagi, sejumlah besar profesional dari Republik Rakyat Bangladesh turut berkhidmat dalam sektor kesihatan, pendidikan serta industri minyak dan gas.

Kedua-dua negara jelas PYT, mempunyai potensi besar untuk memperkuuh lagi hubungan dalam bidang perdagangan-pelaburan serta kerjasama dalam pertanian, pelancongan, pendidikan, kebudayaan, sukan, perubahan iklim dan pertahanan.

Tambah PYT lagi, Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh pada 2022 menjadi bukti kukuh kepada hubungan persahabatan yang telah mencapai tahap baharu.

Sepanjang lawatan berkenaan terang PYT, beberapa perjanjian telah dimeterai dan kini sedang dilaksanakan secara berperingkat, dan mereka menjangkakan hubungan penerbangan terus antara kedua-dua ibu negara akan dapat direalisasikan tidak lama lagi.

Menurut PYT lagi, sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, ini merupakan antara keutamaannya kerana ia akan membuka laluan untuk rakyat kedua-dua negara meneroka pasaran masing-masing, peluang pelaburan dan pelancongan.

Di bawah satu perjanjian dalam bidang pertanian kata PYT, kedua-dua negara sedang berbincang mengenai kerjasama dalam pengeluaran benih, penambahaikan tanah, amalan pertanian pintar, pemprosesan makanan dan pembungkusan bagi memastikan keselamatan makanan.

## Teroka penyelesaian inovatif untuk cabaran pendidikan, fokuskan integrasi teknologi



YANG Berhormat Menteri Pendidikan mewakili Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Forum Pendidikan Dunia Tahunan ke-21 (EWF), dari 18 hingga 21 Mei 2025, bertempat di Pusat Queen Elizabeth II di London, United Kingdom (UK) (atas dan atas kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

LONDON, Jumaat, 23 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) di Forum Pendidikan Dunia Tahunan ke-21 (EWF), dari 18 hingga 21 Mei 2025, bertempat di Pusat Queen Elizabeth II di London, United Kingdom (UK).

Forum berprestij berkenaan, yang diiktiraf sebagai perhimpunan terbesar Menteri - Menteri Pendidikan dan kemahiran

sedunia, menyediakan platform penting untuk bertukar pelbagai perspektif dan menangani cabaran pendidikan yang kritikal.

EWF dianjurkan bersama oleh Jabatan Pendidikan UK (DfE), dengan sokongan daripada Pejabat Luar Negeri, Komanwel dan Pembangunan (FCDO), Jabatan Perniagaan dan Perdagangan (DBT), British Council, serta pelbagai rakan industri.

Membawakan tema 'Daripada Kestabilan kepada Pertumbuhan:

Membina Pendidikan yang Lebih Kukuh, Berani dan Baik Bersama', forum tahun ini menampilkkan pelbagai sesi plenari komprehensif dan pertukaran peringkat menteri yang memfokuskan kepada pembangunan sistem pendidikan yang inklusif, responsif dan berdaya tahan yang menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi yang saksama dan mampan.

Para peserta forum meneroka penyelesaian inovatif untuk cabaran-cabaran pendidikan, dengan penekanan khusus kepada pengintegrasian teknologi, perkongsian awam-swasta, dan



kerjasama antarabangsa.

Di luar program utama forum, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menghadiri Perbincangan Meja Bulat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pembelajaran Asas, di mana para peserta membincangkan dapatkan analisis Metrik Pembelajaran Asas Asia Tenggara (SEA-PLM).

Inisiatif serantau ini mendapat sokongan dari UK melalui program UK-ASEAN Menyokong Kemajuan Pendidikan Perempuan (SAGE).

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Pendidikan Awal UK, Stephen Morgan MP, untuk mengukuhkan kerjasama antara NBD dan UK dalam bidang penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Semasa berada di London, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar Brunei yang sedang menuntut di UK dalam satu Sesi Muzakarah dan Dialog yang diadakan di Brunei House.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah diiringi oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, bersama pemimpin-pemimpin sekolah dan pegawai-pegawai kementerian.

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) telah mengadakan perbincangan secara berasingan bersama beberapa penyedia perkhidmatan pendidikan dalam penyelesaian literasi, penilaian, dan matematik untuk menerokai potensi berkerjasama.

# PENGURNIAAN PINGAT TANDA PENGIKTIRAFAN ATAS KHIDMAT BAKTI



**TUTONG**, Jumaat, 23 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 500 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), terdiri daripada anggota yang masih berkhidmat dan juga yang telah bersara dikurniakan Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik

(Tentera).

Majlis penyampaian pingat berkenaan berlangsung di Dewan Nikmat, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison, di sini.

Upacara penyampaian pingat berkenaan disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejaz Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Para penerima pingat terdiri daripada 156 anggota Tentera Darat Diraja Brunei, 91 anggota Tentera Laut Diraja Brunei, 102 anggota Tentera Udara Diraja

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa menyempurnakan penyampaian pingat kepada para penerima yang berlangsung di Dewan Nikmat, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



Brunei dan 151 anggota daripada pelbagai unit di dalam ABDB.

Pengurniaan pingat berkenaan merupakan satu tanda pengiktirafan yang bermakna atas khidmat bakti yang setia, kelakuan yang terpuji, serta komitmen tinggi yang telah dipamerkan oleh para penerima di sepanjang tempoh perkhidmatan para penerima.

Dedikasi dan profesionalisme yang ditonjolkan oleh para penerima mencerminkan nilai-nilai teras ABDB dan menjadi contoh teladan yang baik bagi seluruh anggota ABDB.

Upacara berkenaan turut menandakan mereka dalam mendukung kecemerlangan dan menyemai semangat tanggungjawab demi mempertahankan kedaulatan negara.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

**PenggunaBijak**



جذب فراغتكم ودع مالكم  
JAJATAN PERAKAN EKONOMI DAN STATISTIK  
SARANA HAL EHWAU PEGASUS  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



**SETIAUSAHA** Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang peserta khatam.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 23 Mei. - Seramai 65 orang murid Darjah VI dari Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) yang berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran petang tadi diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Auditorium, Art Centre, sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, disusuli dengan bacaan surah-surah pilihan oleh para peserta khatam.

Manakala, Doa Khatam dibacakan oleh Awangku Muhd. Aneeq Arsyad bin Pengiran Haji

Malik Yusri.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, diiringi persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut diungkayahkan dengan hasrat untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan berterusan dalam penghayatan beragama.

Ia juga diadakan sebagai usaha Jabatan Pengajian Islam, KHEU dalam sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.

**SEKITAR** Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di Auditorium, Art Centre, Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) (atas kanan dan kanan).

## Majlis Khatam Al-Quran raikan 65 murid Darjah VI




# PELANTIKAN 24 AHLI BAHARU MPK TANJONG BUNUT

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 23 Mei. - Majlis Penyampaian Sijil Bagi Lantikan Ahli-ahli Baharu Majlis Perundungan Kampung (MPK) Tanjong Bunut Bagi Sesi 2024 - 2028 telah diadakan di Rumah Pemangku Ketua Kampung Tanjong Bunut, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Jumat.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas.

Pada majlis berkenaan, seramai 24 orang ahli terdiri dari penduduk Kampung Tanjong Bunut telah menerima sijil pelantikan yang



SEKITAR majlis berkenaan yang diadakan di Rumah Pemangku Ketua Kampung Tanjong Bunut (kanan).

## Program Sua Muka tingkatkan hubungan kerajaan, rakyat

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad



**TEMBURONG**, Khamis, 22 Mei. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong bertempat di Balai Raya Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan

Jabatan Penerangan ialah Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah.

Manakala bagi pihak Kampung Selapon diketuai oleh Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Muhammad Mumtaz bin Haji Akop / Yakuup selaku Pemangku Ketua Kampung Selapon.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Pemangku Penghulu Zon 1.

Hadir sama bagi menyampaikan taklimat kepada penduduk kampung ialah pegawai-pegawai

MPK Tanjong Bunut telah mengungkayahkan berbagai-bagai aktiviti tahunan seperti sukan ria, hari keluarga, projek membersihkan tanah-tanah perkuburan, penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan aktiviti memancing.

Buat julung kalinya, MPK Tanjong Bunut baru-baru ini telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi para penduduk kampung berkenaan.

Kesemua aktiviti seumpamanya antara lain bertujuan mengeratkan silaturahim antara penduduk kampung, memeduli kesejahteraan anak buah kampung dan melahirkan semangat bergotong-royong dalam mengendalikan aktiviti kampung.

MPK Tanjong Bunut juga telah menerbitkan buletin bulanan iaitu 'Wadah' yang memuatkan semua kegiatan dan aktiviti kampung untuk dikongsikan dengan orang awam.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Sijil Bagi Lantikan Ahli-ahli Baharu Majlis Perundungan Kampung (MPK) Tanjong Bunut Bagi Sesi 2024 - 2028 (atas dan bawah kiri).



PEGAWAI Penerangan Kanan mengetuai rombongan pada Program Sua Muka bagi Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong bertempat di Balai Raya Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi (atas kiri). Manakala gambar atas dan bawah, sekitar program tersebut.



# SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN ABDB KE-64

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SEKITAR Sidang Media bagi Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-64 diadakan di Dewan Nakhoda, Pusat Latihan Tentera Laut, Pangkalan Muara Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) (kiri dan atas).

**MUARA**, Rabu, 21 Mei. - Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-64 pada tahun ini akan mengetengahkan acara-acara utama antaranya Upacara Perbarisan Rakasa, Persembahan Arena, Pameran Statik dan Pameran Kerjaya ABDB.

Sehubungan itu, bagi menyemarakkan dan mengetengahkan sambutan yang bakal berlangsung pada Sabtu, 31 Mei 2025 itu nanti, satu Sidang Media bagi Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-64 diadakan di Dewan Nakhoda, Pusat Latihan Tentera

Laut, Pangkalan Muara Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Jabatanraharah Agama ABDB (JAMA'AT), Kapten Abdul Mu'iz Azizi Bin Zulkifli.

Sesi Sidang Media telah disampaikan oleh Jurucakap Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Hasnul Alwe bin Haji Matassan.

Turut hadir, Timbalan Pemerintah TLDB, Kapten Khairil bin Haji Abdul Rahman, TLDB, selaku Pengurus tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB

Ke-64, Ketua Urus Setia Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64, Komander Mohd. Zouhyd bin Haji Abd. Razak, Penyelaras Persembahan Arena, Komander Pengiran Haji Khairul Anwar bin Pengiran Haji Abu Bakar, Penyelaras Sekuriti dan Lalulintas, Leftenan Komander Mohd. Adib Faliq bin Mohammad dan Penolong Penyelaras Pameran Statik dan Bazar, Leftenan Siti Nabilah binti Ramudin.

Taklimat Koordinasi Media Bersama Sesi Walkthrough ke setiap segmen atur cara turut diadakan bagi memastikan koordinasi liputan media yang

lancar dan teratur sepanjang hari kemuncak nanti.

Matlamat utama Sidang Media ini adalah sebagai wadah pembangunan maklumat rasmi kepada orang ramai mengenai acara-acara yang bakal berlangsung sempena sambutan tersebut.

Antaranya termasuk pengumuman mengenai kawalan lalu lintas, lokasi kawasan-kawasan letak kereta yang dikhaskan, perkhidmatan bas ulang-alik, bazar jualan serta peringatan keselamatan dan sekuriti.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung beramai-ramai bersama keluarga bagi

memeriahkan lagi suasana sambutan itu nanti.

Sebagai makluman tambahan, Upacara Perbarisan Raksasa akan disiarkan secara langsung melalui saluran RTB Sukmaindra dan RTB Perdana serta secara dalam talian melalui RTB Go Live di laman sesawang www.rtbgo.bn dan juga melalui siaran radio di RTB Nasional dan RTB Pilihan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini mengenai sambutan ini, orang ramai bolehlah mengikuti akaun media sosial rasmi Kementerian Pertahanan di Instagram @mindefbrunei dan melayari laman sesawang rasmi di www.mindef.gov.bn.

## 2 lagi agensi dibenarkan kendali khidmat umrah

AGENSI-AGENSI PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN PAKEJ UMRAH MENGKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA



Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Arab Saudi bagi tahun 2025 Masihi iaitu Ikhlas Global Tours Sdn. Bhd. dan Al Kheira Travel and Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, maka pada ketika ini sebanyak 36 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Paket Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2025M.

Antara syarikat tersebut ialah Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd., Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd., Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd., Syarikat Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Syarikat Qamaroon Tours Sdn. Bhd., Syarikat Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat JB Travel Agencies Sdn. Bhd., Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd., dan Syarikat Balurah Travel Sdn. Bhd.

Seterusnya, Syarikat As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Aleiya Voyages Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hajat Tours & Travels Agency Sdn. Bhd., Syarikat Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Firdaus Al-Munawwarah Travel

Services Sdn. Bhd. dan Syarikat Ghufran Travel & Tours Sdn. Bhd. Sementara itu, Syarikat Hayya Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd., Syarikat Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Ijtihad Travel Sdn. Bhd., Syarikat Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd., Syarikat Maduli Agency Travel Sdn. Bhd., Syarikat Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd.

Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat JB Travel Agencies Sdn. Bhd., Syarikat PGGMB Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hambra Travel And Tours Sdn. Bhd., Syarikat An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn Bhd, Ikhlas Global Tours Sdn. Bhd. dan Al Kheira Travel and Tours Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menuaikan ibadah umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH [VISA UMRAH]	PAKEJ UMRAH [VISA PELANCONG ARAB SAUDI]
1	DARUSSALAM SERVICES SDN BHD.	3 TAHUN [1446 HURAH HINGGA 1448 HURAH]	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD.		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN BHD.		✓	✓	✓
4	RAUDAH AL-AMIN SDN BHD.		✓	✓	✓
5	TITAN TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
7	DAR EL EHSAN TRAVEL SDN BHD.		✓	✓	✓
8	AL-HURAH TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
9	BALURAH TRAVEL SDN BHD.		✓	✓	✓
10	AS-SAFAH TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
11	AL ABRAY TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
12	ALEIA VOYAGES SDN BHD		✗	✗	✓
13	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN BHD.		✗	✗	✓
14	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
15	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
16	FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN BHD.	1 TAHUN [2025 MASIHI]	✗	✗	✓
17	GHUFTRAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
18	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
19	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD.		✗	✗	✓
20	HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN BHD.		✗	✗	✓
21	UTHAID TRAVEL SDN BHD.		✗	✗	✓
22	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN BHD.		✗	✗	✓
23	MADULI AGENCY TRAVEL SDN BHD		✗	✗	✓
24	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
25	AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
26	AZ BACK TO NATURE TRAVEL SDN BHD.		✗	✗	✓
27	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
28	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
29	QAMARON TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
30	SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
31	JB TRAVEL AGENCIES SDN BHD		✗	✗	✓
32	PGGB TRAVEL SERVICE SDN BHD.		✗	✗	✓
33	AL-HAMBRA TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
34	AN-NUR AL-KHAYR TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
35	IKHLAS GLOBAL TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
36	AL KHEIRA TRAVEL AND TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓

( Dikemaskini pada 21 Zulkaedah 1446H bersamaan 19 Mei 2025 )

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 21 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan

Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa dua buah agensi pelancongan diberikan

kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Paket Umrah menggunakan Visa Pelancong

# BINCANG PERANCANGAN STRATEGIK, GERAK KERJA MABBIM

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

**GADONG**, Rabu, 21 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tahun ini menjadi tuan rumah bagi penyelenggaraan Pertemuan Sekretariat Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) sempena Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025.

Pertemuan selama dua hari ini merupakan mesyuarat pendahuluan sebelum berlangsungnya Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025, yang diadakan pada Rabu dan Khamis, 21 dan 22 Mei 2025 bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Pertemuan ini antara lain membincangkan beberapa perancangan strategik serta gerak kerja MABBIM melalui kerjasama serantau antara ketiga-tiga negara anggota, iaitu NBD, Malaysia dan Indonesia.

Selain itu, turut dibincangkan ialah kegiatan - kegiatan kebahasaan yang mendukung usaha dalam memartabatkan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia, di samping menindak lanjuti Laporan Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM yang telah diadakan di NBD sebelumnya untuk dibincangkan

dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2 yang akan diadakan pada Jumaat dan Sabtu, 23 - 24 Mei 2025 tempat yang sama.

Pertemuan Sekretariat MABBIM dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025 dihadiri oleh anggota perwakilan yang terdiri daripada Setiausaha MABBIM NBD dan anggota perwakilan, Setiausaha MABBIM Malaysia dan anggota perwakilan dan Sekretaris Indonesia dan anggota perutusan.

Manakala, Pengurus Pertemuan Sekretariat MABBIM ialah Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, selaku Setiausaha MABBIM NBD.

Terdahulu, pertemuan dimulakan dengan ucapan sambutan daripada Setiausaha MABBIM Malaysia, Mohd. Fadzli bin Tajuid diikuti dengan ucapan daripada Sekretaris MABBIM Indonesia, Dr. Dewi Puspita dan seterusnya ucapan daripada Setiausaha MABBIM NBD, Dayang Hajah Haireni yang kemudian diselanjurkan dengan Perasmian Pertemuan Sekretariat MABBIM dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025.

Setiausaha MABBIM NBD, Dayang Hajah Haireni dalam ucapannya berkata pertemuan pada kali ini merupakan antara platform utama untuk membincangkan dan menyelaras gerak kerja MABBIM secara tuntas, khususnya meneliti hala tuju pelaksanaan program yang sedia ada dan merencanakan kegiatan baharu MABBIM demi memperkuatkan pemartabatan dan pemerkaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

"Dalam pertemuan ini, kita juga akan menindak lanjut laporan Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM Tahun 2024 dan kesinambungan daripada mesyuarat tersebut, kita akan dapat menyusun dan merancang dengan lebih terarah dan secara holistik dalam pembangunan serta perkembangan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di negara anggota masing-masing.

"Dalam semangat serantau dan kerjasama trilateral / tiga hala yang utuh ini, saya penuh berharap agar pertemuan sekretariat pada tahun ini dapat menjadi wadah meningkatkan kesepakatan dan keseragaman dalam mengemukakan idea-idea yang berasas dan gagasan murni, selaras dengan peranan MABBIM sebagai badan perancangan



FORUM Ketua MABBIM Ke-2, 2025 yang diadakan pada 23-24 Mei 2025 di Hotel Antarabangsa Rizqun.

dan pelaksana bahasa di rantau ini," ujar beliau.

Dayang Hajah Haireni seterusnya melahirkan keyakinan dan harapan agar dengan iltizam yang ditunjukkan oleh semua delegasi dan semangat muafakat yang menjadi teras

utama kerjasama MABBIM selama dua hari ini, akan menjadi inisiatif berterusan dalam sama-sama mengangkat martabat bahasa Melayu dan bahasa Indonesia bukan hanya di peringkat rantau malah juga peringkat antarabangsa.

## 14 pelajar sertai Pertandingan International Students Project Excellent Award

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Rabu, 21 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) menyelaraskan penyertaan seramai 14 pelajar daripada sekolah rendah dan menengah serta lima guru ke peringkat akhir Pertandingan International Students Project Excellent Award 2025.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Prince of Songkla University, Thailand akan berlangsung selama tiga hari bermula 21 hingga 23 Mei 2025 di International Convention Center Hat Yai, Thailand.

Delegasi Negara Brunei Darussalam terdiri daripada wakil pelajar Sekolah Rendah Pengiran

Kesuma Negara Bukit Beruang, Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan Sekolah Menengah Perdana Wazir.

Sehubungan itu, hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat baylor kepada para rombongan ialah Ketua Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Turut hadir, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari JSS; Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP); pengetua-pengetua dan guru besar

sekolah yang terlibat, serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

Sebelum mara ke peringkat akhir pertandingan, kumpulan-kumpulan yang menyertai telah melepas saringan awal dengan menghantar kertas kerja dan video pembangunan projek yang selaras dengan tema Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG).

Pada peringkat akhir ini, para pelajar akan membentangkan projek masing-masing yang merangkumi objektif, metodologi, teori yang digunakan, serta kaitan projek dengan SDG.

Antara objektif utama pertandingan tersebut adalah untuk menggalakkan pelajar dari institusi pendidikan di seluruh dunia membangunkan kemahiran analitikal, pemikiran kritis dan

keupayaan menyelesaikan masalah secara kreatif melalui projek dalam bidang sains dan sains sosial.

Selain memperkuatkan pengetahuan, pertandingan itu juga bertujuan memupuk nilai kewarganegaraan global, menggalakkan kerjasama antarabangsa serta mewujudkan jaringan dalam kalangan pelajar dari pelbagai negara.



KETUA Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan semasa hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada para rombongan.



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025
- 'Keberkesanan Pembelajaran Digital.' Tarikh Tutup : 4 Jun 2025
- 'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama.' Tarikh Tutup : 11 Jun 2025

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# BAHASA SEBAGAI IDENTITI, JATI DIRI, WARISAN BANGSA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei



**GADONG**, Khamis, 22 Mei. - Cabaran dunia pada masa ini memerlukan kita untuk bertindak lebih bijak dan berani dalam merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengangkat serta mengembangluaskan lagi penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit selaku Pengerusi Pertemuan Sekretariat Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM) menjelaskan demikian pada Majlis Penutupan Pertemuan Sekretariat dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025 bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, hari ini.

Dayang Hajah Haireni yang juga selaku Setiausaha MABBIM Negara Brunei Darussalam (NBD) berkata bahawa bahasa bukanlah sekadar alat perhubungan tetapi merupakan identiti, jati diri dan warisan bangsa yang sewajarnya dipelihara dan diperkasa bersama.

"Alhamdulillah, selama dua hari kita bermesyuarat ini, perbincangan kita bukan sekadar berbicara tentang gerak kerja MABBIM, bahkan, kita telah mewujudkan kesepakatan dalam meneliti dan menilai semula pelaksanaan program-program MABBIM sedia ada,

membincangkan cadangan-cadangan baharu yang membawa nilai tambah serta menyusun pelan kerja yang lebih terarah demi mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia," ujarnya lagi.

Sebagai Sekretariat MABBIM, Dayang Hajah Haireni menjelaskan bahawa telah melaksanakan tanggungjawab penting dalam memastikan setiap perkara dibincangkan dengan tekun dan teliti sebelum dibawa ke peringkat Forum Ketua MABBIM Ke-2 yang akan berlangsung pada hari esok, untuk ditunduk bersama dan diputuskan oleh ketua-ketua perwakilan dan perutusan Negara Anggota MABBIM.

Dalam kesempatan itu, beliau merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada delegasi Malaysia, Republik Indonesia dan NBD yang telah memberikan komitmen sepenuhnya serta berkongsi buah pikir yang kritis selama mesyuarat ini berlangsung.

"Namun, apa yang lebih diharapkan lagi adalah segala hasil perbincangan bagi setiap inisiatif yang sedang dilaksanakan atau dirancang bukanlah hanya sekadar retorik sahaja tetapi sewajarnya direalisasikan dan ditindaklakukannya garis masa yang telah disepakati.

"Semoga usaha murni kita ini

akan terus utuh dalam mendayaupayakan pemartabatan serta pemerkaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia," katanya lagi.

Terdahulu, ujarnya, Pertemuan Sekretariat dalam Forum Ketua MABBIM yang diadakan selama dua hari ini berjalan dengan baik dan jayanya berkat semangat kebersamaan yang tinggi serta penuh kesepakatan.

Komitmen semua delegasi dalam pertemuan ini cukup bermakna kerana dapat mencapai segala apa yang dirancang dan seterusnya, menyelaras gerak kerja MABBIM dengan lebih terarah. NBD pada tahun ini, menjadi tuan rumah bagi penyelenggaraan Pertemuan Sekretariat MABBIM sempena Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025.

Pertemuan selama dua hari ini merupakan mesyuarat pendahuluan sebelum berlangsungnya Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025 yang antara lain membincangkan beberapa perancangan strategik serta gerak kerja MABBIM melalui kerjasama serantau antara ketiga-tiga negara anggota iaitu NBD, Malaysia dan Republik Indonesia.

Selain itu, turut dibincangkan kegiatan-kegiatan kebahasaan yang mendukung usaha dalam



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Pengerusi Pertemuan Sekretariat Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM) semasa hadir pada Majlis Penutupan Pertemuan Sekretariat dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025 (atas dan kiri).

memartabatkan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, di samping menindak lanjuti Laporan Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM yang telah diadakan di NBD sebelumnya untuk dibincangkan dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2 yang akan diadakan bermula dari 23 - 24 Mei 2025.

Pertemuan Sekretariat MABBIM dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025 dihadiri oleh anggota perwakilan yang terdiri daripada

Setiausaha MABBIM NBD dan anggota perwakilan, Setiausaha MABBIM Malaysia dan anggota perwakilan dan Sekretaris Republik Indonesia dan anggota perutusan.

Pertemuan dimulakan dengan ucapan sambutan daripada Setiausaha MABBIM Malaysia, Yang Berbahagia Mohd. Fadzli bin Tajuid, diikuti dengan ucapan daripada Sekretaris MABBIM Indonesia, Yang Terhormat Dr. Dewi Puspita, M.A.



Laman sesawang: depmofe.gov.bn  
E-mel: info.statistics@jpss.gov.bn  
Instagram: @statistics.jpss



جاتن فرانچن ایکونومی دان ستاتیستیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
BRUNEI DARUSSALAM

## IHP menurun 0.1 peratus bagi April 2025

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 22 Mei. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan April 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan April 2024, didorong oleh penurunan sebanyak 0.4 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan sebanyak 0.01 peratus bagi Indeks Bukan Makanan.

Penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga daging (2.9 peratus) khususnya harga ayam; dan harga susu, produk tenusu dan telur (3.3 peratus) terutamanya harga telur.

Sementara itu, penurunan bagi Indeks Bukan Makanan adalah didorong oleh penurunan harga pengangkutan khususnya kenderaan bermotor; dan kos perkhidmatan langgaran penstriman media dalam talian disebabkan oleh perbezaan pertukaran mata wang asing.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP April 2025 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus daripada Mac 2025. Ini adalah didorong oleh peningkatan sebanyak 0.5 peratus bagi Indeks Bukan Makanan, manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus.

Peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya didorong oleh pakaihan dan kasut (8.8 peratus); dan pengangkutan (0.2 peratus). Manakala penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga sayur-sayuran (4.4 peratus); dan susu, produk tenusu dan telur (0.6 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan April 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

### INDEKS HARGA PENGGUNA

APRIL 2025


#### Tahun-ke-Tahun

APR 25  
APR 24  
 0.1%

#### Bulan-ke-Bulan

APR 25  
MAC 25  
 0.3%

#### Tahun-ke-Tahun



#### Bulan-ke-Bulan



#### Bakul IHP



#### Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan 0.4%

Susu, Produk Tenusu dan Telur 3.3%

Daging 2.9%

Ikan dan Makanan Laut 1.0%

Bukan Makanan 0.01%

Rekreasi dan Kebudayaan 1.6%

Pengangkutan 1.1%

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang **tetap** yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.

# Celanya sifat hasad dengki



**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qalam, ayat 4 :

**Tafsirnya** : "Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia".

Ayat tersebut menekankan betapa luhur dan mulianya keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam kita hendaklah mengikuti dan mencontohi sifat-sifat dan akhlak Baginda. Antara akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut kita contoh, adalah akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidak pernah bersifat hasad dengki terhadap sesama insan lain.

Sesungguhnya hasad dengki adalah salah satu dari sifat mazmumah yang ada dalam diri seseorang insan. Sifat ini boleh membahayakan diri dan mendatangkan kesan yang buruk dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat mahupun bernegara yang boleh menyebabkan terjadinya perpecahan dan perselisihan.

Hasad dengki boleh diertikan sebagai suatu sikap tidak senang hati dan tidak boleh menerima dengan nikmat kesenangan ataupun kelebihan yang ada pada orang lain. Mereka ini, jika mendengar kebaikan atau kelebihan orang yang dihasadnya, maka bermasam mukalah dia dalam kedukaan. Sebaliknya, jika ada berita buruk mengenai orang yang dihasadnya maka berseri-seri mukanya kegembiraan.

Al-Imam Ghazali dalam kitabnya Ihya Uulumuddin, menghuraikan beberapa ciri utama orang yang memiliki sifat hasad dengki :

**Pertama** : ia merasa gelisah, marah atau benci melihat orang lain mendapat rezeki, kejayaan, ilmu, kedudukan dan apa jua nikmat.

**Kedua** : ia menginginkan kelebihan yang dimiliki orang lain itu terhapus sama ada dengan tindakannya dengan kata-kata, fitnah, menyebar aib atau mengadu domba.

**Ketiga** : ia merasa lega dan tenang bila melihat orang lain kehilangan nikmat tersebut.

Sesungguhnya perasaan hasad dengki tidak pernah mengenal pertalian darah ataupun keluarga, tidak mengenal sahabat dan rakan sekerja. Ini kerana hubungan keluarga yang rapat boleh menjadi renggang, sahabat yang akrab boleh menjadi musuh, rakan sekerja menjadi tidak sehaluan dan semua ini adalah disebabkan oleh perasaan hasad dengki.

Perlu diketahui, bahawa ada banyak sebab mengapa orang itu mempunyai perasaan hasad dengki, antaranya : permusuhan, dendam, berasa khawatir tujuan tertentu tidak tercapai dan seumpamanya. Namun demikianlah, terdapat juga hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memberi pengecualian dalam sifat hasad dengki ini iaitu seseorang yang menginginkan untuk dikurniakan nikmat atau kelebihan yang sama agar dapat berlumba-lumba melakukan amalan soleh yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala tanpa rasa muhu melihat nikmat tersebut ditarik daripada orang lain. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu Anhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Perasaan hasad dan dengki itu dilarang kecuali pada dua perkara : dengki terhadap seseorang yang

Allah kurniakan kepadanya harta dan dia membelanjakannya pada jalan kebenaran serta seseorang yang dikurniakan hikmah lalu dia mengamalkan dan mengajarkannya kepada orang lain". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Allah Subhanahu Wata'ala akan menguji hamba-hamba-Nya dengan mengurniakan nikmat yang kadangkala tidak sama di antara satu dengan yang lain. Umpamanya ada sesetengah orang mendapat nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan cepat, ada yang lambat, ada yang lebih dan ada yang kurang. Ini menunjukkan bukanlah Allah Subhanahu Wata'ala itu tidak bersifat adil, malah Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan nikmat itu bersesuaian dengan kedudukan dan keadaan masing-masing.

Oleh yang demikian, apabila ada hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang dikurniakan nikmat yang banyak, maka akan timbul pula pihak yang lain mempersoalkan seperti mengapa tidak diberikan kepadanya atau lambatnya nikmat itu sampai kepadanya. Ketidakasmaan terhadap nikmat yang dikurniakan ini, kadangkala menyebabkan timbul perasaan hasad dengki dalam diri seseorang. Sesungguhnya perasaan ini amat dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 32 :

**Tafsirnya** : "Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurnia yang telah dilebihkan Allah kepada sebahagian kamu atas sebahagian yang lain. (Kerana) untuk laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan untuk perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. Dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala sesuatu".

Hasad dengki adalah antara penyakit hati yang paling dahsyat yang jika dibarkan akan membunuh nilai kasih sayang, keikhlasan dan kepercayaan dalam kehidupan bermasyarakat. Namun demikian, terdapat cara untuk mencegah dan mengubatinya. Ia perlu kepada beberapa pendekatan, antaranya :

**Pertama** : Kita hendaklah sentiasa mengawasi diri dan menyedari bahawa penyakit hasad dengki boleh merosakkan dan membinasakan diri sendiri.

**Kedua** : Kita hendaklah tahu mensukuri nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketiga** : Jika kita melihat orang lain memperoleh nikmat atau kelebihan, kita hendaklah mengakui bahawa mereka memperolehnya dengan hasil usaha dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala.

**Keempat** : Hendaklah kita rajin bekerja, berkhiar untuk mencari rezeki dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kelima** : Janganlah kita sentiasa membanding-bandinkan diri kita dengan orang yang lebih tinggi keadaan atau tarafnya daripada kita.

**Keenam** : Sentiasalah kita berdoa memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada sifat hasad dengki.

**Ketujuh** : Jika kita masih juga mempunyai sifat hasad dengki dalam diri, maka kita hendaklah bertaubat dan beristighfar atau memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, saudara-saudara Islam yang dikenasihi, ingatlah dan jauhilah diri kita daripada perasaan hasad dengki yang dilarang dalam agama kita, jangan sampai ia bersarang di dalam hati. Ini kerana ia adalah antara sifat yang dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Abu Hurairah katanya : telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya** : "Hendaklah kalian menjauhi sifat hasad dengki kerana ia menghapuskan kebaikan, seperti mana api menghanguskan kayu".

Akhirnya, sama-sama lah kita berdoa semoga kita hidup dalam keadaan yang harmoni dan berkasih sayang, mudah-mudahan dengan yang demikian, akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : "Aku berlindung pada Tuhan yang menguasai Subuh. Daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dan daripada kejahanan malam apabila telah gelap gelita. Dan daripada kejahanan tukang-tukang sihir yang menghemus-hemus pada simpulan-simpulan. Dan daripada kejahanan orang yang dengki apabila dia dengki". (Surah Al-Falaq, ayat 1-5)

## Rombongan DSSB ziarahi Makam Rasulullah



**Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Services Sendirian Berhad**

**MADINAH**, Rabu, 21 Mei. - Rombongan bakal jemaah haji yang mengikuti Paket Delima, Fairuz dan Zamrud di bawah Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) memulakan arut caranya pada 16 Mei yang lalu dengan menziarahi Makam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang terletak di Masjid An Nabawi, Madinah.

Menjadi satu kelaziman bagi bakal jemaah haji, sejurus tiba di Kota Madinah akan memulakan arut cara dengan menziarahi Makam Rasulullah Sallallahu Alaihi

**PARA** Mutawwif membawa bakal jemaah haji secara berasingan menziarahi Makam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam (kiri, kanan dan bawah kanan).

DSSB.

Ia merupakan satu penghormatan dan keberkatan yang amat luar biasa di samping mengharapkan syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jemaah dibawa secara berasingan lelaki dan perempuan dengan dibimbing oleh para Mutawwif khas dan berpengalaman serta pegawai pengiring DSSB.

Sesungguhnya pengalaman ini meninggalkan kesan yang mendalam di hati nurani pada setiap bakal jemaah haji, di samping memperkuatkan lagi iman mereka. Ia juga mengingatkan mereka akan kebesaran dan kerendahan hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada menyebarkan ajaran Islam sehingga memberi kesan mendalam kepada umat Islam keseluruhannya.

DSSB sentiasa memberi perhatian dan keutamaan pada memeduli kesempurnaan peribadatan semua bakal jemaah haji. Semoga segala urusan akan berjalan lancar dan para jemaah dapat menyempurnakan ibadah jemaah haji khususnya jemaah



**Notis Tawaran Jualan Lelong Secara Sebut Harga**

**JPE / AMSF / AUC / 01 / 25**  
One Lot Used Cables

**Dokumen Tawaran:**  
Tingkat 1,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas.

+673 2387000 sambungan 216  
- Pengambilan Borang Tawaran

3551 - Tempahan Jadual Lawatan

Pada hari dan waktu bekerja  
Isnin - Khamis & Sabtu  
8.00- 11.30 (sebelah pagi)  
1.30-3.00 (sebelah petang)

**Harga Borang BND10.00**  
Tarikh Dibukakan  
Selasa, 20 Mei 2025

**Penyerahan Dokumen:**  
Peti Tawaran  
Lobi, Bahagian Pengurusan  
Aset dan Kemudahan  
Penyimpanan,  
Stor Utama Gadong,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jalan Pengiran Babu Raja

**Tarikh Tutup:**  
Isnin, 2 Jun 2025  
Jam 3.00 Petang

**Tarikh dan Tempat Lawatan:**  
Pada hari dan waktu bekerja  
Isnin - Khamis & Sabtu  
9.00 - 11.00  
sebelah Pagi sahaja

**Bertempat:**  
Sub-Stor Pasir Putih  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Tanjong Maya.

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 010 / 2025

**Tajuk:**  
Non-Technical Maintenance Of  
11kv Outdoor Substation For  
Temburong District

**Tarikh Tutup:**  
24 Jun 2025, Selasa.  
Jam 2.00 Petang.

**Harga Dokumen:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
Tender Box  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.



**1. Sebut Harga Bagi**  
**Kerja-Kerja Mengganti Baharu**  
**Pemegang Tangan (Handrail)**  
**Serta Mencat Keseluruhan**  
**Bangunan Pentas Diraja**  
**Kuala Belait Di Jalan Sultan**  
**Kuala Belait**  
Dibuka kepada  
pemborong-pemborong yang  
berdaftar dengan  
Kementerian Pembangunan  
Negara Brunei Darussalam  
**(Kelas I dan II Kategori**  
**KPB02)**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 092 / 2024

**Tajuk:**  
Reinstatement Of Earthing  
Systems In Temburong  
and Brunei Muara District

**Tarikh Tutup:**  
24 Jun 2025.  
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Harga Dokumen:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Tender Box  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**12 / BBS / SH / BKA /**  
**2025 – 2026**

**2. Sebut Harga Bagi**  
**Waterproofing Works To Roof**  
**Slab And Gutter At Bangunan**  
**Pasar Lama Kuala Belait Jalan**  
**McKerron Kuala Belait**  
Dibuka kepada  
pemborong-pemborong yang  
berdaftar dengan  
Kementerian Pembangunan  
Negara Brunei Darussalam  
**(Kelas I dan II Kategori**  
**KPB02)**

**13 / BBS / SH / BKA /**  
**2025 – 2026**

**Yuran Tawaran :**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
3 Jun 2025. (Selasa)

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan Sebut Harga**  
Kementerian Kewangan  
dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Sebut Harga:**  
MOFE / UPAH / Q / 2025 - 2 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kerja-Kerja Pembuangan  
Sampah Bagi Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi,  
Commonwealth Drive Bagi  
Tempoh 36 Bulan (Retender)

**Yuran Tawaran / Dokumen:**  
Percuma

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 29 Mei 2025.

**JABATAN PERIKANAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN**  
**PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0006 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Mengendalikan Kursus  
Pengendalian Bahan Kimia  
Inklusif Jamuan dan Tempat  
Latihan

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0007 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Supply Apparatus And Test Kits  
For Marine Sediment Analysis

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Supply, Provide And Conduct  
Open Water Diving And Advance  
Water Diving Training Courses

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 29 Mei 2025.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Pusat Pembelajaran**  
Sepanjang Hayat  
Kementerian Pendidikan

**Pemberitahuan Tawaran**  
Pusat Pembelajaran Sepanjang  
Hayat,  
Kementerian Pendidikan

**Bilangan Tawaran 1:**  
L3C / LTK / B2106 /  
2025 – 2026 / 01

**Tajuk Tawaran 1:**  
Cleaning Service For Two (2)  
Years At Lifelong Learning Centre  
(L3C), Ministry Of Education

**Bayaran Yuran / E-Dokumen**

**Tawaran 1:**  
BND35.00 [Bayaran Dokumen  
Tawaran sebanyak BND30.00  
dan Bayaran E-Dokumen  
sebanyak BND5.00 tidak  
dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu 1:**  
10 Jun 2025  
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

**Bilangan Tawaran 2:**  
L3C / LTK / B2109 /  
2025 – 2026 / 01

**Tajuk Tawaran 2:**  
Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Di Pusat  
Pembelajaran Sepanjang Hayat  
(Pusat L3C),  
Kementerian Pendidikan Bagi  
Tempoh Dua (2) Tahun

**Bayaran Yuran / E-Dokumen**

**Tawaran 2:**  
BND35.00 [Bayaran Dokumen  
Tawaran sebanyak BND30.00  
dan Bayaran E-Dokumen  
sebanyak BND5.00 tidak  
dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu 2:**  
10 Jun 2025  
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

**Pembayaran dan Penerimaan**  
**Yuran / E-Dokumen Tawaran**  
**Adalah Secara Atas Talian**  
**(online).**

**Berdaftar Dengan**  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Tidak Lewat Dari Jam 2.00  
Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-ACM / 11 /  
2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian  
Peralatan Hawa Dingin Di  
Bangunan Ibu Pejabat,  
Jabatan Keselamatan Dalam  
Negeri, Jalan Utama Mentiri.

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil**  
Dokumen Tawaran Pada:  
6 Mei 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup**  
Dilanjutkan Kepada:  
27 Mei 2025. (Selasa)

Makanan & Minuman Secara  
Berkontrak Bagi Majlis, Aktiviti dan  
Kursus di Jabatan Penerangan  
Awam selama 2 tahun (24 bulan)

**Rujukan Sebut Harga:**  
ADMIN.2025-2026 / SH-01

**Dokumen Sebut Harga**  
Bolehlah Diperoleh Di :  
Kaunter Seksyen Kewangan  
Aras Bawah  
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan

Penerangan Awam  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam

**Harga Yuran Dokumen:**  
BND5.00 setiap satu (01)  
dokumen sahaja

**Tarikh Tutup Menghantar**  
**Dokumen Sebut Harga:**  
Rabu, 28 Mei 2025  
jam 2.00 Petang

**JABATAN PEMBANGUNAN**  
**MASYARAKAT**  
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,**  
**BELIA DAN SUKAN**

**Rujukan Iklan:**  
KAUNTERJAPEMKB / 2025 /  
JAPEM-KB / RB

**Tajuk Iklan:**  
Remove Existing, Supply &  
Install New Counter At  
Pejabat JAPEM Cawangan Belait

**Rujukan Iklan:**  
MEI / 2025 / JAPEM /  
ACPKWE-KB / RB

**Tajuk Iklan:**  
Air Conditioner Supply & Install /  
Repair & Service, PKWE Belait

**Tarikh Tutup Iklan:** Khamis,  
12 Jun 2025. Jam 2.00 Petang.

**MAKLUMAN**

Pelaksanaan migrasi perkhidmatan-perkhidmatan digital ke prasarana One Government Private Cloud (OGPC) oleh pihak EGNC bermula pada 22 Mei 2025 sehingga kerja-kerja tersebut selesai.

Dalam hal ini, adalah dimaklumkan laman sesawang Jabatan Penerangan dan laman sesawang Pelita Brunei tidak dapat diakses dan dikemasuki semasa kerja-kerja migrasi dilaksanakan.

Sehubungan dengan ini, Meja Iklan tidak menyertakan pautan QR Kod selama kerja-kerja migrasi dilaksanakan.

Orang ramai boleh melihat versi penuh iklan di dalam laman sesawang Pelita Brunei selepas kerja-kerja migrasi tersebut selesai dilaksanakan.

Jabatan memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi semasa aktiviti ini dilaksanakan.

Terima kasih.



**Nama Sebut Harga:**  
Tawaran Membekal Jamuan



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran:**  
RTB / 05 / 2025  
Supply And Delivery Of 2/3"  
Type Sensor POV Camera And  
Accessories For Outside  
Broadcast

**Bayaran Tawaran:**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
10 Jun 2025.  
(2.00 Petang)

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 19 / 25 - 26  
Supply Card Printer  
Size ISO CR80

**Yuran Sebut Harga (Termasuk E-Dokumen):**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**  
BND5.00  
(Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 28 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.

**Tajuk Sebut Harga:**  
1. RTB / K / 20 / 25 - 26  
Supply and Delivery of  
Microphone and Commentator  
Box for Outside Broadcast

**2. RTB / K / 21 / 25 - 26**  
Supply and Delivery of Sony  
Viewfinder 6.5" XGA LED TFT  
replacement for Outside  
Broadcast

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
bagi satu tajuk  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**  
BND5.00 (Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 28 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.

**1. Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 16 / 25 - 26  
Supply And Delivery Of Vision  
Mixer And Converter For District

**2. Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 17 / 25 - 26  
Supply And Delivery Of LED Wall  
Video Processor For News Studio

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BND5.00 (Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 28 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pembersihan  
Bangunan (Cleaning Service)  
Bangunan Pentadbiran (DCA  
Building) Jabatan Penerangan  
Awam Bagi Tempoh 2 Tahun  
(24 Bulan)  
AME / 2025-2026 / SH-18 / R  
(Kelas I, II atau Keatas)

**Tajuk Tawaran:**  
General Service & Carryout  
Repair Works For Chilled Water  
Pumps At Brunei International  
Airport  
AME / 2025-2026 / SH-22  
(Kelas IV atau Keatas)

**Tajuk Tawaran:**  
Supply & Install Repair And  
Replace Cable, Bulbs &  
Transformer 200w At High  
Intensity 21 And Low Intensity 21  
At Brunei International Airport  
AME / 2025-2026 / SH-24  
(Kelas V atau Ke atas)

**Tajuk Tawaran:**  
Kontrak Pemeliharaan  
Sistem-Sistem Penghawa Dingin  
Di Bangunan Lapangan Terbang  
Antarabangsa Brunei Selama  
Enam (06) Bulan  
AME / 2025-2026 / SH-25  
(Kelas I, II atau Keatas)

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Lanskap Di Kawasan



Pusat Kebangsaan  
E-Kerajaan,  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi

**Bilangan Tawaran:**

Northern Parallel Taxiway,  
Jabatan Penerangan Awam Bagi  
Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)  
AME / 2025-2026 / SH-26  
(Kelas I, II atau Keatas)

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Lanskap Di  
Kawasan Southern Parallel  
Taxiway E5-E4 Dan  
Persekutuarannya,  
Jabatan Penerangan Awam Bagi  
Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)  
AME / 2025-2026 / SH-30  
(Kelas I, II atau Keatas)

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
21 Mei 2025.  
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
3 Jun 2025.  
Selasa.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
4 Jun 2025.  
Rabu.

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
d/a Aras Bawah, Seksyen  
Kewangan, Ibu Pejabat  
Jabatan Penerangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan  
BB2513  
Negara Brunei Darussalam

EGNC / PM / 4.1 / 6.2024  
GOV.BN 2.0, Pusat  
Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi (MTIC)

**Bayaran Yuran Tawaran  
dan E-Dokumen Tawaran:**  
BND2,005.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran  
Dilanjutkan kepada:**  
Selasa,  
24 Jun 2025.  
Jam 2.00 Petang.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Nama Dokumen Sebut Harga:**  
Tawaran Kerja-Kerja

Perkhidmatan Pengangkutan dan  
Pembuangan Sampah Di  
Bangunan-Bangunan  
Perpustakaan Dewan Bahasa  
dan Pustaka, Kementerian  
Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**  
03 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup:** 3 Jun 2025.



JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

**Kenyataan Bagi Mendapatkan  
Sebut Harga**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2024-2025 / 01 /  
ADMIN

**Tajuk Sebut Harga :**

Insurans Berkelompok  
Perlindungan Diri Bagi Seramai  
361 Orang Pegawai dan  
Kakitangan  
Jabatan Bandaran Bandar Seri  
Begawan

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup :**  
Khamis, 29 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh  
Diperolehi Dari:**

Kaunter Perkhidmatan,  
Bahagian Pentadbiran,  
Tingkat 4,  
Jabatan Bandaran  
Bandar Seri Begawan  
Jalan Perdana Menteri.

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025-2026 / 04 /  
UP / 02

**Tajuk Sebut Harga :**  
Waterproofing Works And  
Repair Roof Flashing And Window  
Sealant Cityhall Jabatan Bandaran  
Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**  
Khamis, 12 Jun 2025  
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh  
Diperolehi Dari:**  
Kuarters Pemuliharaan Aset,  
Bahagian Pengurusan  
Pemuliharaan Estet Di Bangunan  
Jabatan Bandaran  
Bandar Seri Begawan,  
Blok 1 (B1) Tingkat 3 Flat  
Perumahan Kerajaan Jalan Seri  
Beribi Gadong BE1118,  
Bandar Seri Begawan.

Pekan Lama, Kampung Sungai  
Pandan Dan Kampung Sungai  
Matan, Negara Brunei  
Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**  
JDBM / T / 02 / 2025  
Tawaran Membebalkan Kayu Dan  
Plywood Bagi Keperluan Membuat  
Platform Dan Rangka Kayu  
Sempena Majlis Keberangkatan  
KDYMM Beramah Mesra Bersama  
Rakyat Bagi Daerah Brunei Dan  
Muara.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
10 Jun 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025  
/ T / BKS / 001  
[JPPK / LTN / 14 / 2024(A)]  
Proposed Design And Build For  
Slope Protection At Jalan Pantai  
Site B, Berakas Garrison

**Tarikh Mula Tawaran:**  
12 Mei 2025.

**Kelas:**  
IV dan ke Atas Sahaja

**Kategori:**  
KA01 atau KPB01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Enam (6) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Barang Tawaran adalah seminggu  
sebelum tarikh tutup tawaran,  
iaitu **Selasa, 27 Mei 2025**.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
3 Jun 2025.  
2.00 Petang.



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**  
JDBM / T / 01 / 2025  
Tawaran Membebalkan Kayu Bagi  
Kerja-Kerja Membaikpulih  
Kerosakan Jambatan-Jambatan  
Utama Kampung Batu Marang,  
Kampung Pandai Besi, Kampung



# CELANYA SIFAT **HASAD DENGKI**



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 25 ZULKAEDAH 1446H / 23 MEI 2025M

## **HASAD DENGKI: SIFAT YANG DIBENCI ALLAH SWT**

- Sifat mazmumah yang **membahayakan diri, keluarga dan masyarakat**
- **Punca perpecahan** antara keluarga, sahabat & rakan sekerja
- Muncul akibat **permusuhan, dendam dan khuatir** tujuan tertentu tidak tercapai



## **CARA MENCEGAH HASAD DENGKI**

 Hendaklah mengawasi diri dan menyedari bahawa hasad dengki boleh membinasakan diri sendiri

 Sentiasa mensyukuri segala nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT



 Terima bahawa nikmat atau kelebihan orang lain adalah hasil usaha dan kurnia Allah SWT



 Rajin bekerja dan berikhtiar untuk mencari rezeki

 Jangan membanding-bandingkan diri dengan orang lain

 Memohon perlindungan Allah SWT dari sifat hasad dengki

 Jika masih ada perasaan hasad dengki: **bertaubat dan memohon ampun kepada Allah SWT**

## **JAUHI HASAD DENGKI, BINA MASYARAKAT BERKASIH SAYANG**



Semoga kita dapat **mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W** yang tidak pernah bersifat dengki dan **hidup dalam keharmonian serta bersatu padu**



# MEMPERKUKUH KOMITMEN NBD MEMBENTUK EKOSISTEM PENDIDIKAN BERDAYA TAHAN, INKLUSIF

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
 Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BERAKAS**, Khamis, 22 Mei. - Fasa Kedua Bengkel Navigating The 21st Century Leadership : Shaping Tomorrow's Schools Today menutup tirainya hari ini setelah diadakan selama empat hari sejak 19 Mei 2025 lalu bertempat di London Hall, The Airport Mall.

Inisiatif serantau ini menyokong pelaksanaan ASEAN Education Work Plan 2021-2025, yang memberi keutamaan kepada pengukuhan kapasiti kepimpinan guru serta kompetensi dalam kemahiran Abad ke-21, amalan inklusif dan pendidikan inovatif.

Program ini merangkumi tiga fasa iaitu Fasa Pertama diadakan secara dalam talian pada 29 hingga 30 April 2025, manakala Fasa Kedua berlangsung secara bersemuka di Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 19 hingga 22 Mei 2025, manakala Fasa Terakhir dijadualkan berlangsung secara dalam talian pada bulan Jun 2025.

Bengkel anjuran Kementerian Pendidikan, melalui Unit Kepimpinan Sekolah, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik, ini menghimpunkan seramai 28 pemimpin pendidikan yang merupakan ketua-ketua jabatan mata pelajaran di sekolah daripada tujuh Negara Anggota ASEAN iaitu NBD, Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Dalam memajukan kecermerlangan akademik, para peserta memainkan peranan penting dalam membudayakan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan bersiap sedia untuk masa depan dalam sistem pendidikan masing-masing.

Separang empat hari, para peserta mengikuti pelbagai modul kepimpinan berteraskan masa hadapan seperti The Art of Future Readiness; Educator's Role in Building Future-Ready Citizens : Collaborative Inquiry and Citizenship; InnovatED; Building a Future Ready Mindset : Leading Ethically with AI in a Human Centered World serta Building a Data-Driven Culture : Empowering Teacher Leaders.

Antara kemuncak utama Fasa Kedua adalah Leadership Circle Seminar, di mana peserta

membentangkan amalan terbaik serantau di bawah tema 'Effective Instructional and Emerging Innovative Practices Towards Future Ready Learners'.

Program ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform pembangunan profesional tetapi juga mengukuhkan kerjasama serantau serta jaringan berterusan dalam kalangan pemimpin sekolah. Ia mengukuhkan lagi komitmen NBD dalam membentuk ekosistem pendidikan yang berdaya tahan, inovatif dan inklusif di seluruh Asia Tenggara.

## Hari Terbuka PPB 2025 beri peluang konsultasi kerjaya



Siaran Akhbar : Pusat Pekerjaan Brunei  
 Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**SERIA**, Khamis, 22 Mei. - Lebih daripada 400 orang pengunjung, termasuk pencari kerja tempatan dan orang awam telah menghadiri Hari Terbuka Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) 2025 yang diadakan hari ini, bertempat di Dewan Cenderawasih, Kelab Rekreasi Brunei Shell, Panaga, Seria, Daerah Belait.

Acara tersebut berjaya memberikan peluang kepada pencari kerja tempatan untuk mendaftar akaun di portal PPB, memperoleh tip penulisan Curriculum Vitae (CV) dan persediaan temu duga daripada pegawai terlatih PPB, mendapatkan konsultasi pemanduan kerja, serta memperoleh maklumat yang terperinci mengenai program perantisan dan peningkatan

kemahiran yang ditawarkan oleh PPB.

Selain daripada itu, lebih daripada 80 pencari kerja tempatan telah mendaftar untuk menghadiri taklimat, ceramah, forum serta sesi perkongsian yang disampaikan oleh pakar industri, fasilitator jemputan, dan wakil agensi berkepentingan dari bidang perakaunan dan perauditan serta sektor maritim.

Sesi-sesi berkenaan menekankan kepentingan penguasaan pelbagai kemahiran dalam usaha meningkatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran pencari kerja tempatan.

Beberapa syarikat tempatan dan antarabangsa turut serta dalam acara tersebut sebagai Syarikat Rangkaian (Networking

Companies) bagi memberikan peluang kepada para pencari kerja tempatan yang hadir untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang yang ada ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Syarikat-syarikat yang hadir adalah Muara Maritime Services (MMS), Brunei Fertilizer Industries (BFI), Anson International, Takaful Brunei Keluarga (TBK), Syarikat Rekayasa Inovasi (SRI), Mashhor Group of Companies, Aegis Secure Solutions, Brunei Engineering, Logistics & Training Solutions (BELTS) dan Megalift Sendirian Berhad.

PPB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pengunjung, pakar industri, fasilitator jemputan, syarikat-syarikat yang turut serta, pegawai-pegawai serta kakitangan PPB, dan kesemua pihak-pihak yang turut bekerjasama untuk menjayakan

SUASANA Hari Terbuka Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) 2025 yang diadakan di Dewan Cenderawasih, Kelab Rekreasi Brunei Shell, Panaga, Seria, Daerah Belait (kiri, atas dan bawah).



acara tersebut. Untuk maklumat lanjut mengenai acara-acara PPB yang akan datang, sila ikuti Instagram dan Telegram rasmi PPB di @jobcentrebrunei atau menghubungi talian PPB di +673 2444100 atau +673 7291785.

# LAHIRKAN GENERASI CELIK AL-QURAN



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 23 Mei. - Sebagai tanda syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas sempurnanya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran, Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur, Kampung Sungai Akar ialah Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Hadi bin Bukhari @ Kuma.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu khas, diikuti dengan bacaan surah-surah Al-Quran oleh para peserta khatam dan seterusnya bacaan Takhtim oleh

Hadir selaku tetamu khas pada majlis yang berlangsung di Surau



Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur, Kampung Sungai Akar ialah Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Hadi bin Bukhari @ Kuma.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu khas, diikuti dengan bacaan surah-surah Al-Quran oleh para peserta khatam dan seterusnya bacaan Takhtim oleh

KETUA Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta (kiri dan kanan).

murid-murid perempuan Darjah I hingga Darjah 5.

Disusuli dengan Doa Khatam yang dibacakan oleh salah seorang peserta khatam, Awang Muhammed Amri Hafiy bin Mohammed Azri, dan Dikir Marhaban oleh murid-murid lelaki Darjah III hingga Darjah 5.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh salah seorang guru sekolah berkenaan, Awang Ahmad Rafiqi bin Awang Mahadi.

Majlis berkenaan merupakan julung-julung kali ini dikendalikan oleh Sekolah Ugama Antarabangsa Islamik Miftah An-Nur dan dijadikan sebagai aktiviti tahunan sekolah tersebut.

Majlis Khatam Al-Quran juga bertujuan bukan hanya untuk melahirkan generasi celik Al-Quran tetapi menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian berterusan dan secara tidak langsung mengembangkan lagi syiar Islam di negara ini.

Di samping merupakan satu ibadah, penganjuran majlis berkenaan juga untuk meraikan para pembaca yang setiap seorang akan memperoleh pahala besar serta kerahmatan dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

PARA peserta semasa Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Surau Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM

**Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.**

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun



**Keselamatan Jalan Raya  
bergantung kepada Awda dan Saya**

© mkkjrbrunei www.mkkjr.gov.bn

## Mengukuhkan semangat solidariti, patriotik penuntut

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Hernie Suliana Othman

**GADONG,** Rabu, 21 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik petang tadi mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam' di Sekolah Seri Mulia Sarjana (Bahagian Menengah), Cawangan Mata-mata, di sini.

Seramai 93 penuntut dari Tahun 7 menghadiri taklimat yang diadakan di Hall 1 yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji



Sellahuddin.

Manakala, sesi taklimat yang sama bagi seramai 59 penuntut Tahun 7 diadakan di Hall 2, dan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Awang Mohammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim.

Turut hadir, Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Gazala binti Abdullah; Ketua Jabatan Bahasa Melayu dan MIB, Dayang Nurul Hayatul Nikmah binti Rosli serta para tenaga pengajar.

Antara pengisian taklimat termasuklah penerangan mengenai raja dan sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam (NBD), tatacara menaik dan menurunkan bendera negara dengan betul serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD,

ANTARA pelajar yang berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan pada program tersebut.



PEMANGKU Ketua Seksyen Komunikasi Strategik semasa menyampaikan taklimat pada program berkenaan.

'Allah Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan menambah kefahaman mereka mengenai kandungan taklimat.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha

berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga diharatkkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



Siaran Akbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 22 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), secara kerjasama dengan Pusat Derma Darah, Kementerian Kesihatan berjaya menganjurkan Kempen Derma Darah sebagai sebahagian daripada komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SHENA terhadap kesihatan dan keselamatan awam.

Acara ini juga diadakan bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan

di Tempat Kerja 2025 dan inisiatif tersebut telah disertai oleh warga SHENA serta orang ramai.

Dalam misi bersama untuk menyelamatkan nyawa atau menambah baik kesihatan serta menambah bekalan darah negara, seramai lebih daripada 100 individu telah tampil sebagai penderma.

Kempen tersebut bukan sahaja sebagai platform untuk menderma darah tetapi juga sebagai peringatan yang kuat tentang bagaimana satu tindakan yang mudah boleh membuat perubahan yang menyelamatkan

ANTARA yang hadir menyertai Kempen Derma Darah yang diadakan bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan (kiri dan kanan).



nyawa. Inisiatif ini menekankan nilai teras pemeliharaan, keselamatan dan khidmat masyarakat SHENA, yang melangkaui tanggungjawab kawal selianya.

SHENA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Derma Darah, Kementerian Kesihatan, atas kerjasama dan dedikasi yang diberikan, serta kepada semua penderma yang telah menyumbang dalam menjayakan kempen ini.

Melalui inisiatif seperti ini, SHENA kekal teguh dalam komitmennya dalam memupuk budaya keselamatan, kesihatan dan kemanusiaan demi kebaikan bersama.

## BBC anjur Mesyuarat Agung Sesi 2025-2027



SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Agung bagi Sesi 2025-2027 yang berlangsung di sebuah restoran kawasan Berakas (atas). Manakala gambar bawah, Yang Dipertua Bersatu Bikers Club (BBC) (B14) semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Siaran Akbar dan Foto : Bersatu Bikers Club

**BERAKAS,** Khamis, 22 Mei. - Bersatu Bikers Club (BBC) telah mengadakan Mesyuarat Agung bagi Sesi 2025-2027 yang dihadiri lebih daripada 20 ahli berlangsung

di sebuah restoran kawasan Berakas.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat sempena Sambutan Penubuhan BBC Ke-17 yang dipimpin oleh (B10) Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua BBC (B14), Awang Matassan bin Haji Halus.

Dalam ucapan ringkas beliau menyatakan bahawa BBC perlu terus bergerak maju dengan kepimpinan Yang Dipertua dan ahli jawatankuasa yang baharu selepas pengundian calon dijalankan. Penerangan pengundian dan syarat calon yang dipilih oleh ahli telah disampaikan oleh Setiausaha I, (B18) Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar manakala Setiausaha II (B17) Dayang Sarinah binti Zainal Abidin, Jawatan Bendahari I dan II dijawat oleh (B64) Awang Azlan bin Zaini dan (B165) Dayang Salina binti Md. Taib seterusnya jawatan-jawatan yang lain telah dipenuhi oleh ahli-ahli yang dilantik.

Dalam ucapan Yang Dipertua yang baharu (B10) Awang Haji Mohammad Isa, menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas kepercayaan para ahli yang telah memilih beliau untuk bersama-sama mengerakkan BBC ke arah yang kemajuan di masa yang mendatang.

Hasil daripada pengundian calon yang dibuat, Yang Dipertua BBC



disandang oleh (B10) Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi, Timbalan Yang Dipertua dijawat oleh (B21) Pengiran Mohd. Aderus bin Pengiran Haji Tengah, Setiausaha I dipegang oleh (B18) Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar manakala Setiausaha II (B17) Dayang Sarinah binti Zainal Abidin, Jawatan Bendahari I dan II dijawat oleh (B64) Awang Azlan bin Zaini dan (B165) Dayang Salina binti Md. Taib seterusnya jawatan-jawatan yang lain telah dipenuhi oleh ahli-ahli yang dilantik.

Dalam ucapan Yang Dipertua yang baharu (B10) Awang Haji Mohammad Isa, menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas kepercayaan para ahli yang telah memilih beliau untuk bersama-sama mengerakkan BBC ke arah yang kemajuan di masa yang mendatang.

## SHENA ANJUR KEMPEN DERMA DARAH



## Warga tempatan ditahan atas kegiatan tidak bermoral

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 22 Mei. - Dua wanita warga tempatan telah dijatuhkan hukuman secara berasingan di Mahkamah Majistret, membabitkan kesalahan terlibat dalam kegiatan tidak bermoral.

Siti Nurhamizzah binti Haji Khalid (D1) berusia 32 tahun, mengaku bersalah kerana terlibat dalam perkhidmatan seksual bersama seorang lelaki dengan bayaran BND120. Defendan telah didenda BND1,000 atau berdepan hukuman penjara selama sebulan jika gagal membayar.

Sementara itu, Heryany binti Matali (D2), 37 tahun dijatuhkan hukuman lapan bulan setelah mengaku bersalah atas terlibat dalam perkhidmatan seksual sejak tahun 2020.

Mengikut pertuduhan, pada 19 Mei 2025, pukul 6.05 petang, keanggotaan dari Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah melakukan serbuan di sebuah bilik sewa kawasan Gadong berdasarkan maklumat awam bagi aktiviti pelacuran yang disyaki.

Apabila anggota polis tiba di bilik tersebut, mereka mendapati D1 bersama seorang lelaki sehingga membawa kepada penahanan D1.

Hasil pemeriksaan lanjut turut menemui beberapa barang dipercayai berkaitan dengan kegiatan itu, termasuk sejumlah wang tunai, beberapa keping kondom dan beberapa unit telefon bimbit yang dirampas sebagai bahan bukti.

Dalam serbuan tersebut juga, polis turut berjaya menahan D2 dan seorang lagi wanita di luar bilik tersebut kerana disyaki terlibat dalam kegiatan pelacuran. Pemeriksaan telah dijalankan ke atas D2 dan telefon bimbit jenama Vivo Y33s kemudiannya dirampas.

Kesemua suspek dan barang rampasan telah dibawa ke JSJ untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 294A Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, atas kesalahan menawarkan khidmat seks.

Siasatan mendedahkan bahawa pada hari penahanan D1 pada 19 Mei 2025, D1 mengaku terlibat dalam perkhidmatan seksual dengan lelaki tersebut untuk persetubuhan dengan pembayaran BND120 dan urusan itu dibuat oleh D2.

Semasa siasatan, didapati bahawa D1 dan D2 telah menyediakan perkhidmatan seksual sejak tahun 2020. Dalam rekod, kedua-dua D1 dan D2 tidak mempunyai sabitan terdahulu di bawah seksyen yang sama.

Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Nor 'Azmeena binti Pengiran Haji Mohiddin mengendalikan kes di hadapan Majistret Syaffina binti Shahif.



# Cinta, Takdir dan Sebuah Perjalanan

Oleh : A.NAZ

**L**ANGIT senja di perkarangan universiti menjadi saksi impian Aisyah yang masih jauh untuk digapai. Aisyah duduk di bangku kayu, tepat di hadapan perpustakaan universiti. Dia memandang bangunan itu dengan penuh kagum. "Ehh, besar juga perpustakaan universiti ini..." bisiknya dalam hati. Dia mengeluh perlahan, cuba menghalau segala bebanan fikiran yang semakin berat di bahunya. "Ehh, sudah lahhh..." Dia menggeleng kecil, cuba mengalih perhatiannya, tetapi fikirannya segera melayang kepada ibu dan ayahnya di rumah.

Perkenalannya dengan Fayyadh, seorang lelaki yang sederhana tetapi penuh dengan kasih sayang membawa warna baharu dalam hidupnya. Mereka bertemu dalam satu kuliah dan dari sejak itu, perbualan demi perbualan menjadi rutin. Fayyadh bukan sekadar lelaki biasa. Dia memahami Aisyah dengan mendalam dan sudi mendengar impiannya tanpa pernah mempertikaikan cita-citanya.

Akhirnya, mereka berkahwin setelah empat tahun mengenali hati budi masing-masing. Hidup sebagai seorang isteri tidak pernah menjadi penghalang buat Aisyah untuk terus belajar mencapai impian. Namun, di sudut hati, dia tetap dihantui perasaan bersalah kerana belum mampu memberikan sesuatu yang besar kepada ibu dan ayahnya.

"Abang tak kisah, Aisyah. Kalau Aisyah nak terus belajar, abang sokong," kata Fayyadh sambil mengusap lembut rambut isterinya.

Aisyah tersenyum dalam sebak. Memang

benar Allah telah menghadiahkan dia seorang suami yang sangat memahami. Walau bagaimanapun, hatinya masih bimbang. Dia masih belum cukup membala jasa kedua orang tuanya.

Namun, takdir kadangkala datang tanpa amaran. Suatu petang yang suram, panggilan telefon memecahkan keheningan rumah mereka. Jantung Aisyah bagai terhenti saat mendengar berita yang paling tidak ingin sekali didengarnya.

"Puan Aisyah? Suami puan terlibat dalam kemalangan di tapak pembinaan..." suara di hujung talian kedengaran berat dan sukar ditelan. Telefon hampir jatuh dari genggamannya. Aisyah berlari ke hospital dengan deraian air mata. Namun, semua sudah terlambat. Fayyadh telah pergi meninggalkan dunia ini dan meninggalkan Aisyah dalam kesedihan yang tidak berpenghujung.

Dunia Aisyah gelap seketika. Dia bagaikan layang-layang terputus talinya. Hari-hari yang dilaluinya terasa kosong. Tiada lagi suara lembut Fayyadh didengarnya, tiada lagi senyuman yang menenangkan. Aisyah tidak mampu untuk tidur dalam keadaan yang tenang. Setiap kali dia memejam mata, dia hanya melihat bayangan Fayyadh dengan wajahnya yang tenang tetapi kini hanya dalam kenangan.

Namun, airmata tidak akan mengubah takdir. Hidup mesti diteruskan. Aisyah bertekad untuk bangkit semula, bukan hanya demi dirinya, tetapi demi ibu dan ayahnya yang masih setia di sisinya. Aisyah mula bekerja, melakukan pelbagai pekerjaan untuk mengumpul wang demi satu impian yang masih bersisa

iaitu menyambung pelajarannya di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang pendidikan. Setiap hari adalah perjuangan baginya, setiap langkah dipenuhi dengan air mata dan pengorbanan. Kadangkala dia hampir putus asa, tetapi suara Fayyadh seakan bergema di telinganya untuk mengingatkannya agar tidak sesekali menyerah.

Setelah dua tahun berlalu, akhirnya Aisyah berjaya menamatkan pengajiannya. Dia mendapat pekerjaan yang baik dan dengan gaji pertamanya, dia pulang ke rumah ibu dan ayah dengan sesuatu yang lebih bermakna daripada wang iaitu membawa suatu kebanggaan sebagai seorang anak.

"Ibu, ayah... akhirnya Aisyah dapat membala sedikit jasa kalian. Walaupun Aisyah tahu, jasa ibu dan ayah takkan pernah mampu dibayar..." katanya dengan air mata yang mengalir deras.

Ibunya memeluk erat Aisyah dan menahan sebak. Ayahnya hanya mengangguk sambil mengesat air mata yang tumpah tanpa disedari. Mereka tidak pernah meminta balasan, tetapi mereka tahu anak mereka ini telah berjuang sehabis daya.

Setiap malam sebelum tidur, Aisyah akan duduk di tepi tingkap untuk melihat bintang yang bertaburan di langit. Dia sering membayangkan Fayyadh ada di situ, memandangnya dari jauh. Kadang-kadang, dia berbicara sendirian, seolah-olah Fayyadh masih mendengar.

"Abang, Aisyah rindu. Tapi Aisyah tahu, abang mahu Aisyah terus kuat. Terima kasih

kerana pernah menjadi bahagian paling indah dalam hidup Aisyah."

Dia tersenyum dalam tangisan. Hidupnya telah berubah setelah melalui pelbagai liku dalam kehidupannya. Namun, satu perkara yang pasti, cintanya pada Fayyadh tidak akan pernah pudar. Buat masa ini, dia tidak memikirkan pengganti. Baginya, cinta sejati bukan hanya tentang bersama tetapi juga tentang mengenang dengan setia.

Suatu hari, ketika Aisyah duduk di tepi pantai sambil menikmati angin yang bertiup lembut, dia menulis sepucuk surat untuk Fayyadh. Surat itu tidak akan dihantar ke mana-mana tetapi ia adalah luahan hatinya yang paling jujur.

"Abang, hari ini Aisyah berdiri di tempat yang pernah kita jejak. Aisyah sudah berjaya, abang. Tapi kejayaan ini tidak akan bermakna tanpa kenangan kita. Abang tetap hidup dalam hati Aisyah."

Aisyah janji, Aisyah akan terus kuat.. bukan hanya untuk diri sendiri tetapi untuk ibu dan ayah, dan untuk semua impian yang masih belum tercapai. Terima kasih kerana mencintai Aisyah dengan seikhlas hati. Aisyah akan terus mengenang abang, bukan dengan kesedihan tetapi dengan rasa syukur."

Aisyah melipat surat itu dan menyimpannya dalam diari. Dengan nafas yang panjang, dia bangkit dan menatap laut yang luas.

"Abang, Aisyah dah berjaya... tapi Aisyah tetap rindukan abang."

Angin membela lembut pipinya, seolah-olah menyampaikan salam dari syurga. Aisyah tahu, di mana pun Fayyadh berada, dia pasti tersenyum melihatnya dari kejauhan.



# Meraikan Tokoh Bahasa melalui Syarahan Profesor

Oleh : Media Fakulti Sastera dan Sains Sosial dari Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

Foto : Ihsan Profesor Dr. Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman

**F**AKULTI Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan syarahan profesor oleh Profesor Dr. Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya (OKMB) Haji Othman pada 30 April 2025 yang lalu.

Profesor Dr. Noor Azam merupakan seorang sarjana dan pakar bahasa dalam bidang Bahasa Inggeris dan linguistik, telah menyumbang dalam bidang pengkhususan beliau dan pengajaran media serta pendidikan bahasa di sepanjang kerjaya akademik beliau.

## Hasil Penyelidikan

Dalam syarahan yang bertajuk 'The Ecology of Language in Brunei: Diversity, Interplay and Equity', Profesor Dr. Noor Azam membentangkan perbincangan kritikal hasil penyelidikan beliau yang memfokuskan terhadap penelitian landskap *multilingual* melalui kerangka ekologi bahasa di NBD.

Dari perspektif sosiolinguistik, beliau berpendapat bahawa kepelbagaiannya bahasa di NBD boleh wujud bersama, bersaing dan beradaptasi berdasarkan konteks budaya, pendidikan dan politik.

Beliau turut menekankan bahawa kemajmukan bahasa harus difahami sebagai satu sistem yang dinamik dan sentiasa berkembang, dan bukan hanya suatu

permasalahan yang perlu dilihat secara luaran.

Syarahan tersebut turut menonjolkan usaha beliau dalam memperjuangkan ekuiti ekologi antara bahasa-bahasa di NBD dengan menekankan bahawa setiap bahasa memainkan peranan penting dan mempunyai nilai instrumental yang tersendiri.

Penyelidikan Profesor Dr. Noor Azam banyak menumpukan kepada analisis bahasa, sistem pendidikan dan dasar-dasar negara dengan penekanan terhadap corak sosiolinguistik dan sosio-budaya.

Beliau berpendapat bahawa NBD akan kkal sebagai sebuah 'makmal linguistik' yang wajar diberikan lebih perhatian oleh para sarjana tempatan dan antarabangsa.

## Karier

Kini menjawat jawatan sebagai Pemangku Pengarah Institut Pengajaran Asia (IAS), Profesor Dr. Noor Azam juga pernah menjawat posisi kepimpinan di UBD.

Perjalanan akademik beliau termasuklah pelantikan sebagai Pengarah Pusat Bahasa, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, serta Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE). Dari tahun 2014 hingga 2017, beliau menerajui Pusat Penyelidikan Lanjutan (CARe)

ketika penyelidikan dan inovasi rentas disiplin berkembang pesat di bawah kepimpinannya.

Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pengarah di Pusat Global UBD-FPT di Da Nang, Vietnam (2017–2018), sekali gus memperkuuh kehadiran UBD di peringkat global.

Di luar universiti, beliau juga pernah dilantik sebagai Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) di Kementerian Pendidikan dari tahun 2023 hingga 2024.

## Anugerah

Di sepanjang kerjaya beliau, Profesor Dr. Noor Azam telah menerima pelbagai pengiktirafan atas kecemerlangan akademik dan pentadbirannya. Antaranya ialah Anugerah Kecemerlangan Pengajaran UBD bagi bidang Sastera dan Kemanusiaan (2012), Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) (2013), Anugerah 'Special Mention' sempena Hari Guru Ke-28 (2018), dan Pingat Kerja Lama (PKL) pada Jun 2022.

## Kenaikan Pangkat Sebagai Profesor Penuh

Sebagai antara tenaga akademik tempatan terawal yang berkhidmat di Jabatan Bahasa dan Linguistik Inggeris di UBD, Profesor Dr. Noor Azam berkongsi bahawa aspirasi beliau untuk menjadi seorang sarjana dan impian untuk menyumbang kepada pembangunan bidang

linguistik tempatan sentiasa menjadi dorongan utama dalam kerjayanya.

Beliau telah menerbitkan pelbagai karya akademik yang telah dirujuk di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Hasil penyelidikan beliau, khususnya mengenai situasi sosiolinguistik di Brunei, telah mendapat perhatian daripada sarjana di seluruh dunia, termasuk tesis kedoktoran beliau yang bertajuk *Changes in the Linguistic Diversity in Brunei Darussalam (2005)*.

Melalui karya-karya dan penerbitan beliau, Profesor Dr. Noor Azam berhasrat untuk memberikan perspektif akademik tempatan yang lebih tepat bagi rujukan para akademik di peringkat antarabangsa.

Mesangat cintakan ilmu, usaha berterusan untuk memperbaiki diri, serta sokongan berpanjangan daripada kaum keluarga dan rakan sekerja menjadi teras kepada kenaikan pangkat beliau sebagai profesor penuh di UBD.

Dalam ucapannya semasa syarahan tersebut, Profesor Dr. Noor Azam turut melahirkan rasa syukur dan penghargaan yang mendalam kepada keluarga, mentor, rakan sekerja dan sahabat handai atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi.

Syarahan profesor ini turut merupakan sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun Ke-40 UBD, yang meraikan empat dekad kecemerlangan akademik, inovasi, dan impak kepada masyarakat sejak perubahan universiti ini pada tahun 1985.

## Ecological Composition: Peop



- 7 Puak Jati "I Brunei, Dusu Tutong
- Gunn (1997), blurring of et
- Martin (2002 redefinition"
- Noor Azam (2
- "Pan-Bruneia





# MENTERI PERTANIAN JEPUN LETAK JAWATAN SUSULAN KENYATAAN KONTROVERSI MENGENAI BERAS

**TOKYO**, 21 Mei. - Menteri Pertanian Jepun, Taku Eto pada Rabu meletak jawatan selepas berdepan tindak balas hebat berhubung kenyataannya bahawa beliau tidak membeli beras kerana menerima bekalan yang banyak daripada penyokongnya, sekali gus memberi tamparan kepada Perdana Menteri Shigeru Ishiba yang popularitinya sudah pun terjejas akibat isu kos sara hidup, khususnya kenaikan harga beras.

Menurut Kyodo News yang memetik sumber kerajaan, Ishiba dijangka melantik Shinjiro Koizumi, 44, sebagai pengganti Eto -bekas Menteri Alam Sekitar yang popular dan pernah bertanding dalam pemilihan Presiden Parti Demokratik Liberal (LDP) tahun lepas.

Selepas menerima peletakan jawatan Eto, Ishiba mengakui bertanggungjawab sepenuhnya atas pemilihannya dan kerana membiarkannya terus memegang

jawatan walaupun berdepan bantahan berhubung kenyataan kontroversi itu.

"Saya akan menerima semua kritikan," kata Ishiba.

Eto, 64, menyerahkan surat peletakan jawatannya di Pejabat Perdana Menteri beberapa jam sebelum Ishiba dijadual berdepan pemimpin parti pembangkang di Parlimen - yang sebulat suara mendesak beliau meletak jawatan.

Skandal terbaru itu berlaku ketika Ishiba bersiap sedia menghadapi pilihan raya Dewan Kaunselor pada musim panas ini - pemilihan yang mestilah dimenangi gabungan pemerintah selepas mereka kehilangan kawalan ke atas Dewan Perwakilan tahun lepas.

Eto merupakan anggota Kabinet pertama di bawah pentadbiran Ishiba yang meletak jawatan bukan kerana kehilangan kerusi Parlimen pada pilihan raya umum Oktober

lepas.

"Saya bertanya diri sendiri sama ada wajar untuk saya kekal menerajui kementerian pada waktu kritis bagi harga beras, dan saya membuat kesimpulan bahawa ia tidak wajar," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan surat peletakan jawatan.

"Sekali lagi, saya memohon maaf kepada rakyat atas kenyataan saya yang amat tidak wajar sebagai menteri, pada waktu mereka bergelut dengan kenaikan mendak harga beras," katanya.

Kenyataan Eto dibuat tidak lama selepas Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan memutuskan untuk mengeluarkan simpanan stok kecemasan beras sehingga Julai dalam usaha menurunkan harga beras yang telah meningkat dua kali ganda berbanding tahun lepas.

Eto dikenali sebagai antara pakar utama dasar pertanian dalam

parti pemerintah dan pernah menjawat jawatan Menteri Pertanian selama setahun bermula 2019 di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Shinzo Abe.

Tinjauan pendapat menunjukkan kebanyakan rakyat tidak berpuas hati terhadap cara kerajaan menangani kenaikan harga beras. Isu itu diburukkan lagi oleh pertumbuhan gaji yang tidak seiring dengan kadar inflasi.

"Saya tidak membeli beras. Terima kasih kepada penyokong saya yang memberikan begitu banyak beras, saya mempunyai begitu banyak beras di rumah sehingga saya boleh menjualnya."

Beliau kemudian menjelaskan bahawa kenyataan itu bertujuan mencuit hati hadirin, namun 'terlalu berlebihan', menyebabkan ahli Parlimen pembangkang segera mempersoalkan kelayakannya untuk kekal sebagai menteri.

Selain parti pembangkang,

kritikan turut meningkat dalam kalangan gabungan pemerintah, dengan beberapa pemimpin kanan menganggap peletakan jawatan beliau sebagai tidak dapat dielakkan.

Koizumi, yang dijangka dilantik sebagai Menteri Pertanian yang baru, pernah tewas kepada Ishiba dalam pemilihan presiden LDP, namun merupakan antara tokoh pilihan rakyat dalam tinjauan sebagai pemimpin masa depan Jepun.

Kontroversi ituberlaku ketika satu tinjauan pendapat Kyodo News menunjukkan kadar penilaian kelulusan Ishiba kini pada tahap terendah sejak beliau mengambil alih jawatan pada Oktober lepas, sekali gus menggambarkan kegalauannya setakat ini untuk mengembalikan kepercayaan rakyat yang terjejas ekoranskandal pengumpulan dana politik LDP. - ©BERNAMA

## Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China platform penting untuk kerjasama strategik, ekonomi

**KUALA LUMPUR**, 22 Mei. - Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China yang julung kali diadakan, tiba tepat pada masanya bagi ASEAN menegaskan semula peranannya sebagai tonggak diplomasi global dan jambatan kerjasama antara rantau Teluk dan China, di tengah-tengah persaingan geopolitik yang semakin memuncak, menurut penganalisis.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Danial Rahman berkata sidang kemuncak pada 27 Mei ini berlangsung ketika persaingan geopolitik semakin singit dan penglibatan Amerika Syarikat dengan negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) semakin meningkat, sekali gus membuka peluang penting buat ASEAN memainkan peranan sebagai

pemudah cara yang neutral dan inklusif dalam dunia yang semakin ke arah multipolar.

"Pertama, ini peluang untuk ASEAN menegaskan semula peranannya sebagai pemudah cara utama dalam landskap multipolar yang mencabar.

Kedua, untuk meletakkan dirinya sebagai jambatan praktikal antara rantau Teluk dan China bagi menggalakkan kerjasama dan ketiga, untuk menggerakkan projek pelbagai negara yang membawa nilai sebenar dalam perdagangan, tenaga dan kerjasama digital," katanya kepada Bernama.

Senada dengan pandangan itu pakar serantau, Dr Nadia Helmy berkata negara-negara Teluk sedang giat meningkatkan pelaburan mereka di rantau ini, Malaysia sebagai Pengurus ASEAN tahun ini,

berada pada kedudukan terbaik untuk menerajui sidang kemuncak ke arah kerjasama strategik dan ekonomi yang lebih mendalam.

"Negara-negara GCC giat melabur dalam ASEAN. Contohnya, Kuwait Petroleum Corporation telah memasuki pasaran Asia Tenggara melalui projek penapisan minyak bersama di Viet Nam dan kerjasama dengan Pertamina Indonesia untuk membangunkan kompleks penapisan di Jawa Timur.

"Pada 2017, Saudi Aramco melabur sebanyak US\$7 bilion dalam perkongsian dengan Petronas di Malaysia, iaitu pelaburan terbesar syarikat itu di luar Arab Saudi," kata Nadia, Profesor Sains Politik di Universiti Beni Suef, Mesir, dan pakar dalam hal ehwal politik China dan Asia.

Kerjasama pelaburan asing antara

GCC dan ASEAN perlu ditingkatkan, penting untuk memaksimumkan manfaat pembangunan dalam bidang ekonomi, perdagangan dan teknologi, katanya.

"Pelaburan bersama asing antara GCC dan ASEAN perlu dipertingkatkan, di samping manfaat yang lebih besar daripada pemindahan dan penyesuaian teknologi, bagi membina ekonomi yang tidak bergantung semata-mata kepada tenaga," katanya.

Ditubuhkan di Riyadh pada 1981, blok Teluk GCC terdiri daripada enam negara: Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Kuwait, Bahrain dan Oman.

Sementara itu, penganalisis sosiopolitik Universiti Malaya, Datuk Profesor Dr Awang Azman Awang Pawi berkata sidang kemuncak ini juga wajar meneroka bidang kuasa lembut yang kurang dibangunkan seperti diplomasi budaya, tadbir urus beretika dan penglibatan belia.

"ASEAN dan GCC berkongsi ikatan peradaban Islam yang kukuh, dengan sejarah panjang

perdagangan, keilmuan dan pertukaran berkaitan agama. Menghidupkan kembali hubungan ini melalui festival budaya, inisiatif seni Islam dan projek warisan bersama seperti mengiktiraf pengaruh Hadhrami di Asia Tenggara boleh memperkuat hubungan rakyat dengan rakyat," katanya.

Beliau berkata konsep Islam MADANI yang diketengahkan Malaysia boleh dijadikan kerangka untuk mempromosi kesederhanaan dan keharmonian dalam dunia Islam.

"Walaupun sistem politik berbeza, negara-negara ASEAN dan GCC berdepan tekanan yang sama untuk melakukan reformasi, meningkatkan ketulusan dan tadbir urus yang baik.

Malaysia boleh membantu ASEAN muncul sebagai platform perkongsian model pembangunan yang mengimbangi kemodenan dengan nilai etika dan keagamaan yang penting untuk menentang ekstremitisme dan membina kepercayaan masyarakat," katanya. - ©BERNAMA

## Pempelbagaian kunci perkukuh ekonomi negara Islam

**ALGIERS**, 21 Mei. - Pempelbagaian merupakan langkah penting untuk mengukuhkan keteguhan ekonomi negara-negara Islam serta menggalakkan sara diri dan kestabilan ekonomi jangka panjang, kata Pengurus Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDB), Muhammed Al Jasser pada Selasa.

Bercakap pada mesyuarat tahunan IsDB di ibu negara Algeria, Algiers, Muhammed Al Jasser berkata ketegangan global berkaitan tarif baru-baru ini boleh memberi kesan negatif terhadap ekonomi negara anggota IsDB dan perkembangan global sedemikian menjadikannya penting untuk mempercepat integrasi ekonomi, membuka akses kepada pasaran alternatif yang berpotensi serta menggalakkan perdagangan dalam kalangan negara anggota.

Mesyuarat selama empat hari itu bermula Isnin dan menghimpunkan gabenor bank dari 57 negara anggota, pegawai, pakar, ahli

akademik dan wakil sektor swasta di bawah tema utama 'Diversifying Economies, Enriching Lives'.

"Dalam landskap global yang semakin kompleks di mana krisis saling berkaitan, ekonomi dunia hari ini berdepan cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini - antaranya ketegangan geopolitik yang memuncak, perpecahan ekonomi yang semakin teruk dan kesan perubahan iklim," kata Al Jasser menurut Anadolu Ajansi.

Beliau berkata faktor itu dan faktor-faktor lain telah menyebabkan kelembapan pertumbuhan global kepada 3.3 peratus pada 2024 dan dijangka menurun lagi kepada 2.8 peratus pada 2025, berdasarkan laporan terbaharu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Negara anggota IsDB pula mencatat prestasi ekonomi yang bercampur-campur manakala pertumbuhan ekonomi sedikit perlahan di Asia, Amerika Latin dan Eropah dengan rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA)

menyaksikan penurunan mendak daripada 5.8 peratus pada 2022 kepada 1.5 peratus pada 2023, sebelum sedikit meningkat kepada 1.6 peratus pada 2024 dan dijangka meningkat kepada tigaperatus pada 2025.

Sebaliknya, rantau Sub-Sahara Afrika menunjukkan model yang memberangsangkan dengan pertumbuhan meningkat daripada 3.7 peratus kepada 4.2 peratus pada 2024. Al Jasser berkata, trend itu dijangka berterusan pada 2025 meskipun berdepan gangguan perdagangan global semasa.

Bagi menghasilkan impak pembangunan yang lebih mendalam dan mampan, beliau berkata Kumpulan IsDB telah mengukuhkan perkongsian strategiknya, meningkatkan struktur tadbir urusnya dan menerima pakai mod pembentukan inovatif yang berasaskan prinsip kewangan Islam - yang menjadi pemasu sebenar untuk merapatkan jurang pembiayaan di banyak negara anggota. - ©BERNAMA

## Pilihan Raya Presiden : Warga Korea Selatan di Malaysia mengundi awal

**KUALA LUMPUR**, 21 Mei. - Warganegara Korea Selatan yang menetap di Malaysia mula menunaikan tanggungjawab mengundi awal dalam proses pengundian luar negara menjelang pilihan raya presiden negara itu pada 3 Jun.

Kedutaan Korea Selatan di Kuala Lumpur memaklumkan kepada Bernama bahawa kira-kira 3,300 pengundi pos yang berdaftar di Malaysia layak mengambil bahagian dalam tempoh pengundian luar negara yang berlangsung dari 20 hingga 25 Mei.

Pengundian dibuka setiap hari dari 8 pagi hingga 5 petang di pusat pengundian yang ditetapkan di premis kedutaan di sini.

Menurut agensi berita Yonhap, lebih 258,000 warga Korea Selatan, termasuk mereka yang berdaftar sebagai pengundi pos, layak mengundi di 223 pusat pengundian di 118 negara.

Pilihan raya awal itu diadakan susulan keputusan Mahkamah Perlembagaan yang menyingkirkan bekas Presiden Yoon Suk Yeol daripada jawatan berikutnya percubaannya melaksanakan undang-undang tentera yang gagal pada Disember tahun lepas. - ©BERNAMA

# ARGENTINA LONGGARKAN KAWALAN FISKAL UNTUK GALAK ALIRAN TUNAI

**BUENOS AIRES**, 23 Mei. - Argentina pada Khamis mengumumkan pakej langkah untuk melonggarkan peraturan ke atas transaksi kewangan bagi merangsang aliran tunai dalam ekonomi, lapor Xinhua.

Menteri Ekonomi Argentina,

Luis Caputo mengumumkan inisiatif yang dinamakan 'Pelan Pemulihian Sejarah Simpanan Rakyat Argentina' pada satu sidang media yang turut dihadiri Presiden Bank Pusat Santiago Bausili, Ketua Agensi Kutipan dan Kawalan Kastam (ARCA) Juan

Pazo dan jurucakap Presiden, Manuel Adorni.

Langkah tersebut secara asasnya mengurangkan sekatan dan pemantauan kewangan oleh kerajaan terhadap transaksi seperti penggunaan kad kredit, pengeluaran tunai, jual beli

hartanah, pembelian kenderaan terpakai serta pelbagai urus niaga lain.

Caputo berkata langkah penstrukturkan semula itu, "bertujuan mengembalikan semula kebebasan terhadap simpanan rakyat kepada majoriti

warga Argentina yang telah lama dibebani cukai dan peraturan yang berlebihan."

Pihak berkuasa berharap rakyat Argentina akan terdorong untuk membelanjakan simpanan mereka dengan lebih bebas, sekali gus meningkatkan peredaran tunai dalam ekonomi dan merangsang pertumbuhan.

- ©BERNAMA



# Menteri Luar Rusia sahkan rundingan pusingan kedua dengan Ukraine

**MOSCOW**, 23 Mei. - Usaha Moscow untuk menyediakan memorandum berkaitan krisis Ukraine kini berada di peringkat akhir dan pusingan kedua rundingan dengan Kyiv dijangka bakal berlangsung, kata Menteri Luar Rusia Sergey Lavrov pada

Khamis, lapor agensi berita TASS. "Ya, kami menyokong rundingan. Ya, akan ada pusingan kedua.

"Mereka (pihak berkuasa Ukraine) telah mengesahkannya. Ini sendiri merupakan satu perkembangan yang positif," kata

Lavrov pada sebuah persidangan peringkat tinggi.

Beliau turut mengesahkan bahawa persiapan sedang giat dijalankan.

"Kerja (penyediaan memorandum) sedang berjalan.

"Saya tidak pasti mengenai

pihak Ukraine, tetapi kerja kami telah mencapai peringkat akhir, dan kami akan menyerahkan

memorandum itu kepada pihak Ukraine dalam apa jua keadaan," katanya. - ©BERNAMA

# Nepal teliti penggunaan gas xenon oleh pendaki Britain di Everest

**ISTANBUL**, 23 Mei. - Pihak berkuasa Nepal sedang meneliti penggunaan gas xenon oleh empat pendaki veteran Tentera British semasa pendakian Gunung Everest baru-baru ini, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik laporan akhbar Kathmandu Post.

Jabatan Pelancongan Nepal dalam kenyataan pada Khamis mengakui laporan media mengenai kejayaan yang dicapai oleh bekas anggota pasukan khas itu.

"Kami kini sedang berhubung dengan ketua ekspedisi, ahli pasukan dan agensi berkaitan untuk mengumpul maklumat terperinci serta menjalankan kajian dan analisis menyeluruh mengenai perkara ini," menurut kenyataan

tersebut.

Keempat - empat veteran berkenaan, yang digelar 'Pendaki Xenon', menjadi kumpulan pertama yang sampai ke puncak Everest menggunakan terapi gas xenon, dengan kejayaan itu dicapai pada Rabu.

Pasukan itu termasuk Alastair Carns, seorang Ahli Parlimen dan Menteri Hal Ehwal Veteran di Kementerian Pertahanan United Kingdom, bersama Garth Miller, Anthony Stazicker dan Kev Godlington.

Mereka dilaporkan menggunakan gas xenon di Jerman sebelum pendakian, yang membolehkan mereka mencapai ketinggian 8,848 meter (29,000

kaki) dalam masa kurang lima hari, tanpa melalui proses penyesuaian tradisional yang mengambil masa berminggu-minggu.

Penggunaan gas xenon yang dipercayai dapat mencegah penyakit altitud dan mengurangkan kesan kekurangan oksigen mencetuskan kontroversi dalam kalangan komuniti pendakian.

Persekutuan Mendaki dan Pendakian Gunung Antarabangsa (UIAA) menyuarakan keimbangan mengenai ketidaan bukti saintifik yang menyokong keberkesanan gas xenon di altitud tinggi serta risiko kesihatannya, termasuk kesan ke atas otak dan sistem pernafasan. - ©BERNAMA

# China, Perancis perlu gabung tenaga pelihara orde antarabangsa - Xi

**BEIJING**, 23 Mei. - China dan Perancis perlu bergabung tenaga untuk memelihara orde antarabangsa, memacu pertumbuhan global dan menerajui kerjasama multilateral.

Perkara itu ditekankan Presiden Xi Jinping ketika mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Perancis, Emmanuel Macron menerusi panggilan telefon pada Khamis.

Xi berkata tahun ini menandakan ulang tahun ke-80 kemenangan Perang Anti-Fasis Dunia serta perubahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB (UNSC) dan kuasa besar yang bebas, China dan Perancis perlu bersama-sama memelihara kewibawaan dan

kedudukan PBB serta peraturan perdagangan antarabangsa dan orde ekonomi dunia, selain mengamalkan multilateralisme jitu.

Kedua-dua negara juga hendaklah memperkasa kerjasama dalam bidang tradisional seperti pelaburan, aeroangkasa dan tenaga nuklear, di samping meneroka kerjasama dalam bidang baharu termasuk ekonomi digital, pembangunan hijau, bioperubatan dan ekonomi perak.

Beliau berkata China menyokong Kesatuan Eropah (EU) memperkuuh kemandirian strategik dan memainkan peranan lebih penting dalam urusan antarabangsa, sambil menzahirkan kesedian China bersinergi dengan EU untuk merungkai pelbagai cabaran global.

Sementara itu, Macron berkata Perancis berhasrat meningkatkan kerjasama pragmatik dengan China dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, serta komited mengekalkan momentum perkembangan hubungan kedua-dua negara.

Berdepan situasi antarabangsa yang cepat berubah, Perancis bersedia memperkasa komunikasi dan penyelaras dengan China dalam isu-isu utama serta memikul tanggungjawab sebagai anggota tetap UNSC bagi mencegah kesan limpahan daripada isu-isu panas dan bersinergi memelihara kedamaian dunia.

Beliau turut menyarankan supaya EU dan China merapatkan lagi komunikasi dan dialog untuk menjaga kepentingan bersama. - ©BERNAMA

JAKARTA, 23 Mei. - Pasukan penyelamat Indonesia menemukan 15 mayat selepas banjir kilat yang melanda sebuah tapak perlombongan emas terpencil di Pergunungan Arfak, Papua Barat, dengan empat lagi mangsa masih dilaporkan hilang, menurut pihak berkuasa pada Jumaat.

Bencana itu melanda perkampungan Jim di daerah Catubouw pada 16 Mei, selepas hampir tujuh jam hujan lebat.

"Mayat mangsa ditemukan secara berperingkat dalam tempoh beberapa hari.

"Lapan daripada mereka telah dikenal pasti, manakala tujuh lagi masih belum dikenal pasti dan dihantar ke Hospital Polis Bhayangkara untuk pemeriksaan," kata jurucakap Agensi Pengurusan Bencana Nasional (BNPB), Abdul Muhamari dalam satu kenyataan.

Seorang pelombong yang pada awalnya dilaporkan hilang, kemudian ditemukan selamat di sebuah kampung berhampiran.

Abdul Muhamari berkata, usaha mencari mangsa yang masih hilang sedang diteruskan dengan bantuan pasukan kecemasan Agensi Pengurusan Bencana Daerah (BPBD), Agensi Mencari dan Menyelamat Nasional (Basarnas), tentera, polis dan sukarelawan.

"Operasi menyelamat menghadapi kesukaran disebabkan bentuk muka bumi yang mencabar, keadaan cuaca tidak menentu, arus sungai yang deras dan kekurangan peralatan komunikasi.

"Suhu pada waktu malam yang rendah di kawasan pergunungan turut menjelaskan ketahanan fizikal anggota pasukan penyelamat yang terlibat," katanya. - ©BERNAMA

# Panama umum sambung semula penerbangan dengan Venezuela

**PANAMA CITY**, 23 Mei. - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Panama (AAC) pada Khamis mengumumkan penyambungan semula penerbangan antara Panama dan Venezuela selepas digantung selama 10 bulan, lapor Agensi Berita Xinhua.

Dalam satu kenyataan, AAC memaklumkan bahawa penyambungan semula perkhidmatan penerbangan antara kedua-dua negara itu akan dilaksanakan berdasarkan 'prinsip timbal balik'.

"Selain itu, perlu ditegaskan bahawa operasi penerbangan akan dijalankan mengikut keupayaan teknikal pengendali dari kedua-dua negara.

"AAC menyokong perkhidmatan pengangkutan udara komersial secara global di bawah dasar langit terbuka dan mengalui-alukan penyambungan semula penerbangan antara kedua-dua negara, yang membantu memperkuuh kesalinghubungan udara global," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

# Pasukan penyelamat Indonesia temukan 15 mayat mangsa banjir kilat di Papua Barat



ePaper Pelita Brunei



## CHSK\_BADMINTON BRUNEI NATIONAL OPEN SERIES 2025 DIRASMIKAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : CHSK\_Badminton

**TUTONG**, Jumaat, 23 Mei. - EYH United (dahulunya dikenali sebagai CHSK\_Badminton Cup) baru-baru ini dengan bangganya mempersembahkan siri pembukaan, iaitu kejohanan pertama daripada kelima kejohanan dalam CHSK\_Badminton Brunei

National Open Series 2025.

Kejohanan berkenaan telah dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Chung Hwa Kiudang, Tutong.

Chung Hwa Kiudang, Tutong.

Lebih 150 peserta mengambil bahagian dalam kejohanan berkenaan yang mempertandingkan sebanyak 18 kategori.

Perlawanan akhir akan diadakan pada 25 Mei ini dan orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang menyaksikan perlawanan berkenaan.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat semasa sesi bergambar ramai pada majlis berkeraan.

yang akan dikira menerusi EYH United Ranking System.

Baru-baru ini, dalam sidang media dan kenyataan akhbar, Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam telah mengiktiraf dan berkerjasama dengan CHSK\_Badminton Brunei National Open Series untuk menggunakan data yang dikumpul dan dimasukkan ke dalam Brunei National Ranking.

Dalam pada itu, satu kategori istimewa diadakan untuk Unified Fun Open Doubles, dengan kerjasama La Vida Brunei.

Dalam kategori berkenaan, seorang pemain Orang Kurang Upaya akan berganding bersama seorang pemain yang normal.

Sebanyak tujuh pasukan akan bertanding dalam kategori berkenaan. Melalui kerjasama tersebut, ia diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat umum.

Selain itu, CHSK\_Badminton Brunei National Open Series 2025 akan diteruskan dengan siri kedua, ketiga dan keempat yang dijadualkan berlangsung pada Jun, Ogos dan September 2025, di Daerah Belait, Brunei dan Muara sebelum siri penutup terakhir pada bulan November bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Chung Hwa Kiudang, Tutong.

Kejohanan berkenaan juga akan menjadi kejohanan pertama dengan para peserta akan mengumpul mata kedudukan

sepanjang daripada T. Datkovic menepati sasaran pada minit ke-66.

Selang empat minit kemudian, Lion City Sailors FC sekali lagi berjaya menjaringkan lagi gol pada minit ke-70 daripada sepanjang Gabriel Gama pada minit ke-58. Kedua-dua pasukan seterusnya saling berbalas serangan namun Brunei DPMM FC kurang berasib baik setelah beberapa serangan yang dilakukan oleh Lion City Sailors FC. Namun, Lion City Sailors FC memanfaatkan peluang keemasan setelah tamat perlawanan.

Perlawanan timbal balik kedua (second leg) bagi kedua-dua pasukan akan berlangsung pada 27 Mei 2025 di Stadium Bishan, Singapura.

## Brunei DPMM FC tewas tipis

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Mei. - Brunei DPMM FC tewas ke atas Lion City Sailors FC dengan keputusan 2 - 3 pada siri

perlawanan separuh akhir pertama (first leg) Piala Singapura (Singapore Cup) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura, malam tadi.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan Brunei DPMM FC dengan bijak mengatur serangan dan akhirnya menjaringkan gol menerusi Azwan Ali Rahman seawal minit ke-8.

Namun Lion City Sailors FC seterusnya menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan untuk menjaringkan gol pertama dan berjaya dihasilkan melalui Maxime Lestienne pada minit ke-45.

Manakala pada separuh masa kedua pula menyaksikan Brunei DPMM FC dengan mudah mengawal permainan dan melakukan beberapa serangan yang akhirnya membawa hasil dengan

ANTARA aksi para pemain pada perlawanan separuh akhir pertama (first leg) Piala Singapura (Singapore Cup) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura.

menjaringkan lagi satu gol menerusi sepanjang Gabriel Gama pada minit ke-58.

Kedua-dua pasukan seterusnya saling berbalas serangan namun Brunei DPMM FC kurang berasib baik setelah beberapa serangan yang dilakukan oleh Lion City Sailors FC. Namun, Lion City Sailors FC memanfaatkan peluang keemasan setelah tamat perlawanan.

Perlawanan timbal balik kedua (second leg) bagi kedua-dua pasukan akan berlangsung pada 27 Mei 2025 di Stadium Bishan, Singapura.

## Tahukah Awda

**K**OLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ditubuhkan pada awal Tahun Baharu Hijrah 1428 bersamaan 20 Januari 2007, iaitu berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena sambutan awal Tahun Baharu Hijrah 1428 bagi penaikan taraf Maktab Perguruan Ugama kepada peringkat Kolej Universiti. KUPU SB dihasratkan menjadi sebuah institusi perguruan ugama yang unggul, menjadi kebanggaan dan memenuhi keperluan negara serta bersedia membuka pintunya kepada pelajar luar Negara. Kedudukan penubuhannya melambangkan mercu tanda keislaman yang unik dengan memartabatkan pengajian perguruan ugama dan khazanah ilmu kitab turath Melayu.

Sumber : [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn)

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

JAUHI SIFAT HASAD DENGKI TERHADAP INSAN LAIN